(iii) Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa sifat jua yang mana akan ditanggung, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada bertindak ke atas Arahan-arahan Telekomunikasi dalam niat baik, dan Bank adalah diberikuasa untuk menandatangani mana-mana akaun Pelanggan dengan jumlah-jumlah tersebut dan Klausu 2 di atas hendaklah terpakai. Gantirugi ini hendaklah berterusan walaupun pembatalan apa-apa kuasa, penamatan apa-apa perkhidmatan dan/ atau penutupan apa-apa akaun.

(iv) Bank boleh di dalam budibicaranya, memperkenalkan langkah-langkah keselamatan selanjutnya untuk memastikan, sejauh mana yang mungkin, bahawa Arahan-arahan Telekomunikasi telah diberikuasa oleh Pelanggan.

(v) Pelanggan boleh membatalkan kuasa di dalam Klausu 30 (i)(a) atau (b) dan/atau klausu 30 (ii) melalui notis bertulis yang ditandatangani menurut mandat akaun dan memberikannya kepada cawangan akaun.

Gantirugi daripada Pelanggan

31. Pelanggan hendaklah melepaskan Bank daripada kesemua liabilitinya dan membayar gantirugi kepada Bank untuk kesemua kerugian, kerosakan, fi, kos, caj, cukai, duti, levi dan perbelanjaan (termasuk kos guaman) yang mana Bank akan menanggung atau membelanjakan dan yang mana telah timbul samada secara terus atau tidak terus berkenaan dengan keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah, dan Bank adalah diberikuasa untuk menandatangani mana-mana akaun Pelanggan dengan jumlah-jumlah tersebut dan Klausu 2 di atas hendaklah terpakai:

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/Liabiliti Terhad Perkongsian/Perkongsian Konvensional
6. Tandatangan Spesimen Penandatanganan yang diberikuasa
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang terpakai ke atas Kumpulan HSBC
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. Memahami Pelanggan Anda
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan Kad
19. Penggunaan Kad Debit
20. Deposit-deposit Cek & Tunai
21. Cek Matawang Asing
22. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
23. Penghantaran Wang Ke Luar
24. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
25. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
26. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
27. Kedahuluan Bayaran
28. Arahan-arahan Pelanggan
29. Di Luar Kawalan Bank
30. Telekomunikasi
31. Gantirugi Daripada Pelanggan
32. Perbelanjaan Undang-undang
33. Konflik & Peraturan Kedahuluan
34. Notis-notis
35. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
36. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
37. Akaun Dorman
38. Frod
39. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
40. Bidangkuasa
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Januari 2019)

Gantirugi daripada Pelanggan (bersambung)

- (a) pengekalan, penggunaan atau penggunaan yang dikatakan perkhidmatan-perkhidmatan, produk-produk atau kemudahan-kemudahan Bank dan/atau Kad, PIN atau kata laluan oleh Pelanggan atau mana-mana orang lain (Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk kesemua transaksi-transaksi yang dilakukan sehingga PIN dibatalkan oleh Bank);
- (b) pemecahan atau ketidak-patuhan Pelanggan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, mana-mana dokumen-dokumen berkenaan akaun atau mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai;
- (c) tindakan kecuai atau peninggalan Pelanggan;
- (d) Bank menerima arahan-arahan daripada Pelanggan atau yang mana Bank percaya dengan suci hati adalah datang daripada Pelanggan (samada diberikuasa atau tidak) dan bertindak atau gagal untuk bertindak ke atasnya, kecuali akibat daripada kecuai atau frod Bank;
- (e) pelaksanaan hak-hak Bank di bawah Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai atau mana-mana dokumen-dokumen berkenaan akaun;
- (f) apa-apa kelengahan di dalam bayaran atau debit atau kredit ke dalam akaun Pelanggan akibat daripada Klausula 8 dan/atau Klausula 9(i) di atas.

Gantirugi ini hendaklah berterusan meskipun penamatan apa-apa perkhidmatan apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan mana-mana akaun.

Perbelanjaan Undang-undang

32. Pelanggan bersetuju bahawa:

- (a) kesemua perbelanjaan undang-undang yang dikeluarkan oleh Bank untuk pemulihan apa-apa jumlah-jumlah daripada Pelanggan di bawah mana-mana kemudahan kredit atau akaun hendaklah ditanggung oleh Pelanggan; dan
- (b) jumlah penghakiman hendaklah dikenakan faedah pada kadar faedah yang pada masa kini terpakai ke atas kemudahan-kemudahan kredit atau akaun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran penuh.

Konflik & Peraturan Kedahuluan

33. Jika terdapatnya apa-apa inkonsistensi di antara Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai dan mana-mana dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun/ Perkhidmatan, terma-terma dan syarat-syarat hendaklah diberi keutamaan (prevail) di dalam aturan seperti berikut: (*Sila rujuk kepada Fasal 41 untuk definisi "Perkhidmatan"*)

- (a) Fasal 8, 9, 10, 14 dan 41 Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini;
- (b) dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun/Perkhidmatan;
- (c) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai; dan
- (d) akhirnya, semua fasal lain Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini yang tidak dinyatakan dalam perenggan (a) di atas.

Notis-notis

34. Apa-apa penyata, notis, komunikasi atau tuntutan yang mana cara penghantaran bukanlah seperti yang dinyatakan secara spesifik di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai atau Terma Piagam pelanggan (yang sedia ada di laman web Bank di www.hsbc.com.my):

- (a) adalah diperuntukkan secara bertulis, boleh diberikan oleh Bank kepada Pelanggan di alamat Pelanggan, alamat email atau nombor faks Pelanggan menurut Klausula 3 dan Klausula 4(i) di atas melalui:
 - (i) penghantaran sendiri dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran;
 - (ii) pengeposan biasa/berdaftar (sama ada AR atau bukan AR berdaftar) atau kurier dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada hari ketiga selepas pengeposan atau pada hari ketiga selepas dihantar kepada pembekal perkhidmatan kurier, mengikut mana-mana yang berkenaan, walaupun ia mungkin akan dikembalikan kerana tidak dapat dihantar, atau Bank tidak menerima kad AR yang ditandatangani atau pengakuan penerimaan Pelanggan;
 - (iii) faks dan/atau email dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran; atau
 - (iv) penampalan di laman web Bank, dan hendaklah dianggap sebagai diterima serta merta selepas penampalan tersebut dibuat oleh Bank;
- (b) hendaklah diberikan oleh Pelanggan kepada Bank secara bertulis melalui:
 - penghantaran; atau
 - pengeposan;
ke cawangan akaun, dan hendaklah diterima pada tarikh ianya sebenarnya diterima oleh Bank.

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/Liabiliti Terhad Perkongsian/Perkongsian Konvensional
6. Tandatangan Spesimen Penandatanganan yang diberikuasa
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang terpakai ke atas Kumpulan HSBC
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. Memahami Pelanggan Anda
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan Kad
19. Penggunaan Kad Debit
20. Deposit-deposit Cek & Tunai
21. Cek Matawang Asing
22. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
23. Penghantaran Wang Ke Luar
24. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
25. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
26. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
27. Kedahuluan Bayaran
28. Arahan-arahan Pelanggan
29. Di Luar Kawalan Bank
30. Telekomunikasi
31. Gantirugi Daripada Pelanggan
32. Perbelanjaan Undang-undang
33. Konflik & Peraturan Kedahuluan
34. Notis-notis
35. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
36. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
37. Akaun Dorman
38. Frod
39. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
40. Bidangkuasa
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Januari 2019)

Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak

35. (i) Tiada tindakan, peninggalan atau kelengahan oleh Bank di dalam melaksanakan apa-apa kuasa, hak atau remedi di bawah Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini akan dianggap sebagai pengabaian oleh Bank kecuali pengabaian tersebut adalah disahkan oleh Bank secara bertulis. Pelaksanaan tunggal atau sebahagian oleh Bank ke atas apa-apa kuasa, hak atau remedi tidak akan menghalang pelaksanaan lanjutan atau pelaksanaan kuasa, hak atau remedi yang lain.
- (ii) Pelanggan tidak dibenarkan untuk menyerah hak atau memindahkan mana-mana hak atau obligasi Pelanggan kepada mana-mana orang kecuali dengan persetujuan bertulis Bank terlebih dahulu.

Kesalahan Undang-undang (Illegality)

36. Apa-apa terma atau syarat di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini yang tidak boleh dikuatkuasa tidak akan menjejaskan Terma-terma & Syarat-syarat lain.

Akaun Dorman

37. (i) Akaun yang tidak mempunyai apa-apa deposit dan pengeluaran wang untuk satu tempoh berterusan sepanjang 12 bulan (kecuali deposit dan pengeluaran wang yang diinisiasikan oleh Bank) akan diklasifikasikan oleh Bank sebagai dorman. Akaun yang dorman untuk satu tempoh berterusan selama 7 tahun akan diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut dan akan dikendalikan selaras dengan peruntukan-peruntukan untuk wang yang tidak dituntut.
- (ii) Pelanggan tidak boleh melakukan transaksi ke atas akaun dorman sehingga Pelanggan mengaktifkan semula akaun tersebut di kaunter Bank atau di Pusat Teleperbankan Bank dengan pengesahan yang sesuai sebelum akaun tersebut diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut.

Frod

38. Pelanggan bersetuju untuk berkerjasama dengan Bank dan polis di dalam percubaan untuk memulihkan apa-apa kerugian akibat daripada Bank bertindak ke atas arahan-arahan yang mana Pelanggan kemudiannya memaklumkan Bank bahawa ianya adalah tidak diberikan atau diberikuasa oleh Pelanggan. Pelanggan bersetuju kepada pendedahan maklumat mengenai Pelanggan dan/atau akaun Pelanggan oleh Bank kepada polis atau pihak-pihak ketiga termasuk di dalam prosiding undang-undang, jika Bank berpendapat bahawa ianya akan membantu untuk mencegah atau memulihkan kerugian.

Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar

39. Pelanggan mengakui bahawa:
- (i) fi-fi dan caj-caj yang terpakai boleh dijumpai di dalam Tarif dan Caj-caj Bank pada laman web Bank di www.hsbc.com.my (sepertimana yang dikemaskinikan dari masa ke semasa) dan borang-borang yang merupakan sebahagian daripada Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini dan terikat ke atas Pelanggan, dan Bank merizabkan hak untuk mengenakan dan/atau menyemak semula dari masa ke semasa fi-fi dan caj-caj tersebut seperti yang difikirkan sesuai di dalam budibicara Bank dan mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan fi-fi dan caj-caj yang terpakai; dan
- (ii) kadar faedah yang terpakai untuk deposit-deposit boleh dilihat di laman web Bank di www.hsbc.com.my (sepertimana yang dikemaskinikan dari masa ke semasa).

Bidangkuasa

40. Pelanggan menyerahkan dirinya kepada bidangkuasa tanpa eksklusif Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

Definisi-definisi

41. Bagi tujuan Fasal 8 dan 14:

“**Pihak-pihak Berkuasa**” termasuk mana-mana kehakiman, pentadbiran, badan awam atau berperaturan, mana-mana kerajaan, mana-mana Pihak Berkuasa Cukai, sekuriti atau pertukaran masa depan, mahkamah, bank pusat atau badan penguatkuasaan undang-undang, atau mana-mana ejen mereka yang mempunyai bidangkuasa ke atas mana-mana ahli Kumpulan HSBC.

“**Pematuhan Obligasi**” bermaksud obligasi-obligasi yang Kumpulan HSBC harus patuhi: (1) Undang-undang atau garis panduan antarabangsa dan polisi atau prosedur dalaman, (2) apa-apa permintaan dari Pihak-pihak Berkuasa atau pelapor, pendedahan atau obligasi lain di bawah Undang-undang, dan (3) Undang-undang yang menghendaki Bank untuk mengesahkan identiti pelanggan-pelanggan.

“**Orang yang Berhubungkait**” seseorang atau satu entiti (selain daripada Pelanggan) yang mana maklumat (termasuk Data Peribadi atau Maklumat Cukai) yang diberikan oleh, atau bagi pihak, Pelanggan kepada mana-mana ahli dari Kumpulan HSBC atau yang mana adalah sebaliknya diterima oleh mana-mana ahli dari Kumpulan HSBC berkenaan dengan penyediaan apa-apa akaun, produk dan/atau perkhidmatan. “Seseorang

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Kewajipan
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/Liabiliti Terhad Perkongsian/Perkongsian Konvensional
6. Tandatangan Spesimen Penandatanganan yang diberikuasa
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang terpakai ke atas Kumpulan HSBC
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. Memahami Pelanggan Anda
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan Kad
19. Penggunaan Kad Debit
20. Deposit-deposit Cek & Tunai
21. Cek Matawang Asing
22. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
23. Penghantaran Wang Ke Luar
24. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
25. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
26. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Automatik
27. Kedahuluan Bayaran
28. Arahan-arahan Pelanggan
29. Di Luar Kawalan Bank
30. Telekomunikasi
31. Gantirugi Daripada Pelanggan
32. Perbelanjaan Undang-undang
33. Konflik & Peraturan Kedahuluan
34. Notis-notis
35. Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak
36. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
37. Akaun Dorman
38. Frod
39. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
40. Bidangkuasa
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Januari 2019)

Definisi-definisi (bersambung)

Yang Berhubungkait” boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mana-mana penjamin, seorang pengarah atau pegawai syarikat, rakan kongsi atau ahli-ahli rakan kongsi, mana-mana “pemilik besar”, “orang yang mengawal”, atau pemilik benefisial, pemegang amanah, pembuat atau pelindung amanah, pemegang akaun bagi akaun yang ditetapkan, penerima bayaran bagi bayaran yang ditetapkan, wakil, ejen atau penama bagi Pelanggan, atau mana-mana orang atau entiti lain yang mempunyai hubungkait kepada Pelanggan yang berkaitan kepada hubungan Pelanggan dengan Kumpulan HSBC.

“**orang yang mengawal**” bermaksud individu-individu yang mengawal sesebuah entiti. Bagi sesuatu amanah, mereka adalah pembuat amanah, pemegang amanah, pelindung amanah, benefisiari atau kelas benefisiari, dan mana-mana individu lain yang menjalankan kawalan muktamad dan berkesan ke atas amanah, dan bagi entiti selain daripada amanah, mereka ini merupakan orang yang mempunyai kedudukan kawalan yang sama atau serupa.

“**Maklumat Pelanggan**” bermaksud Data Peribadi, maklumat sulit dan/atau Maklumat Cukai sama ada Pelanggan atau Seseorang Yang Berhubungkait.

“**Jenayah Pembiayaan**” bermaksud penggubahan wang haram, pembiayaan untuk keganasan, sogokan, rasuah, pengelakan cukai, penipuan, pengelakan sekatan ekonomi atau perdagangan, dan/atau apa-apa tindakan atau percubaan untuk memintas atau melanggar mana-mana Undang-undang yang berkaitan dengan perkara ini.

“**Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan**” bermaksud pengesanan, penyiasatan, laporan dan pencegahan Jenayah Kewangan.

“**Kumpulan HSBC**” bermaksud HSBC Holdings plc, syarikat sekutunya, subsidiarinya, entiti bersekutu dan mana-mana cawangan dan pejabat (bersama-sama atau secara individu), dan “ahli(-ahli) Kumpulan HSBC” mempunyai maksud yang sama.

“**pemilik besar**” bermaksud mana-mana individu yang berhak kepada lebih 10% keuntungan atau dengan “**Undang-undang**” termasuk mana-mana undang-undang tempatan atau asing, peraturan, penghakiman atau perintah mahkamah, kod sukarela, rejim sekatan, perjanjian di antara mana-mana ahli Kumpulan HSBC dan Pihak Berkuasa, atau perjanjian atau persetujuan di antara Pihak-pihak Berkuasa dan bersesuaian dengan Bank atau ahli dari Kumpulan HSBC.

“**Data Peribadi**” bermaksud apa-apa maklumat berkaitan dengan seseorang individu di mana individu tersebut boleh dikenalpasti termasuklah apa-apa luahan pandangan mengenai individu tersebut.

“**Perkhidmatan**” termasuk kemudahan-kemudahan pembiayaan dan perbankan, dan perkhidmatan perbankan yang lain.

faedah melebihi 10% di dalam sesebuah entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

“**Pihak Berkuasa Cukai**” bermaksud cukai tempatan atau asing, pihak berkuasa hasil atau hasil atau kewangan.

“**Borang Pengesahan Cukai**” bermaksud apa-apa borang atau dokumen lain yang mungkin dikeluarkan atau dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Cukai atau Bank dari masa ke semasa untuk mengesahkan status cukai Pelanggan atau Seseorang yang Berhubungkait.

“**Maklumat Cukai**” bermaksud dokumen atau maklumat mengenai status cukai Pelanggan dan status cukai mana-mana pemilik, “orang yang mengawal”, “pemilik besar”, atau pemilik benefisial Pelanggan, bahawa Bank menyifatkan, bertindak secara munasabah, adalah perlu dipatuhi (atau menunjukkan pematuhan, atau menghindari ketidakpatuhan) dengan mana-mana obligasi ahli dari Kumpulan HSBC kepada mana-mana Pihak Berkuasa Cukai. “Maklumat Cukai” termasuk, tetapi tidak terhad kepada, maklumat mengenai: kediaman cukai dan/atau tempat organisasi (jika berkenaan), domisil cukai, nombor pengenalan cukai, Borang Pengesahan Cukai, Data Peribadi tertentu (termasuklah nama(-nama), alamat(-alamat) kediaman, umur, tarikh lahir, tempat lahir, kewarganegaraan).

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik ini (tidak terpakai ke atas kad-kad kredit) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Generik dan Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi untuk akaun/produk/perkhidmatan yang relevan yang dibuka dengan atau diberikan oleh HSBC.

1. Akaun Premier dan Advance

[Akaun Premier: Layak dilindungi oleh PIDM]

[Akaun Advance: Layak dilindungi oleh PIDM]

a. Faedah hendaklah:

- dikira pada dasar harian;
- ke atas baki pada hujung setiap hari;
- pada satu kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa.

Faedah yang didapati (dibulatkan kepada sen yang terdekat) akan dikreditkan ke dalam akaun pada dasar bulanan.

b. Pelanggan perlu memenuhi kriteria kelayakan minimum untuk akaun, yang boleh didapati di www.hsbc.com.my/1/2//hsbcpremier/hsbc-premier bagi HSBC Premier dan www.hsbc.com.my/1/2//hsbcadvance/hsbc-advance bagi HSBC Advance, seperti yang ditetapkan oleh Bank, tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa ("Kriteria Kelayakan"), jika tidak yuran akaun bulanan, yang buat masa ini dinyatakan dalam Tarif dan Caj Bank yang boleh didapati di www.hsbc.com.my, akan dikenakan.

c. Pelanggan mengesahkan bahawa beliau tidak pernah dilaporkan oleh mana-mana bank kepada mana-mana biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak untuk menutup akaun jika Pelanggan dilaporkan sedemikian.

d. Pelanggan bersetuju untuk:

- tidak menulis apa-apa notasi pada muka depan cek, dan jika apa-apa notasi adalah tertulis, Bank mempunyai hak untuk mengabaikan notasi tersebut tanpa bertanggungjawab kepada Pelanggan; dan
- tidak membuat apa-apa perubahan pada cek, dan Bank mempunyai hak untuk tidak menunaikan dan mengembalikan cek tersebut jika Bank berpendapat bahawa terdapatnya perubahan, walaupun perubahan tersebut disahkan dengan tandatangan penandatanganan yang diberikuasa.

e. Pelanggan bersetuju bahawa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan buku-buku cek disimpan dengan selamat (sebaik-baiknya dikunci) dan adalah berada di bawah kawalan mutlaknya pada semua masa, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

(i) Pelanggan bersetuju untuk tidak menulis cek-cek di dalam cara yang mana boleh membenarkan cek tersebut untuk diubah dengan atau memudahkan frod, dan untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga seperti, dan tidak terhad kepada:

- menggunakan hanya dakwat yang tidak boleh dipadamkan (bukan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau apa-apa instrumen lain yang boleh dipadamkan);
- tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan;
- tidak menandatangani cek-cek kosong; dan
- memusnahkan cek-cek yang rosak dengan sepenuhnya;

Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan tiada liabiliti ditanggung oleh Bank.

f. Pelanggan mengakui bahawa satu arahan memberhentikan pembayaran hanya boleh dilakukan jika cek tersebut belum lagi dipersembahkan untuk pembayaran, dan jika telah dilakukan, tidak boleh dibatalkan dan:

- perkataan "stop payment" akan disetamkan pada cek tersebut;
- pengemukaan semula cek tersebut tidak akan dibenarkan; dan
- fi-fi pengendalian dan caj-caj penalti (jika akaun tidak mempunyai dana-dana yang mencukupi untuk cek tersebut) akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

g. Pelanggan bersetuju untuk menyemak atas penerimaan, bahawa:

- Pelanggan telah menerima jumlah buku cek yang betul;
- setiap buku cek mempunyai jumlah mukasurat cek yang betul;
- butir-butir akaun yang dicetak adalah betul; dan
- akan membaca dan menjalankan semua arahan yang tercetak di sebelah dalam kulit buku cek tersebut;

dan jika Pelanggan gagal untuk melakukan mana-mana perkara tersebut, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

h. Pelanggan bersetuju untuk tidak mengisukan cek-cek apabila tiada dana yang mencukupi di dalam akaunnya. Caj-caj penalti untuk cek-cek yang dikembalikan kerana dana-dana yang tidak mencukupi seperti yang dinyatakan pada masa tersebut di dalam Tarif dan Caj-caj Bank boleh dilihat di www.hsbc.com.my akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

i. Terma-terma & Syarat-syarat untuk Akaun Semasa hendaklah terpakai.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime

[Akaun Deposit Premier Flexitime: Layak dilindungi oleh PIDM]

[Akaun Deposit Advance Flexitime: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Deposit-deposit akan menghasilkan faedah mudah, kecuali ianya dinyatakan berlainan secara bertulis oleh Bank.
- b. Tempoh masa perletakan adalah tertakluk kepada minima 1 bulan dan maksima 60 bulan.
- c. Pembayaran faedah ke atas deposit-deposit Flexitime yang dikeluarkan sebelum tarikh matangnya akan:
 - di mana deposit Flexitime telah dipegang untuk 3 bulan atau untuk tempoh yang lebih lama, faedah akan dibayar pada separuh daripada kadar kontrak untuk setiap bulan yang disempurnakan; dan
 - di mana deposit Flexitime telah dipegang untuk tempoh kurang daripada 3 bulan, tiada faedah akan dibayar.
- d. Kesemua deposit bersama dengan faedah yang dihasilkan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang, kecuali arahan-arahan secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang disediakan oleh Bank telah diterima oleh Bank daripada Pelanggan atau pengganti-pengganti dalam gelaran (successors in title) sebelum itu. Pelanggan mempunyai hak untuk memberi dan/atau meminda apa-apa arahan-arahan sehingga tarikh matang.
- e. Jika tarikh matang jatuh pada hari yang bukan merupakan hari perbankan, ia akan diubah secara automatik kepada hari perbankan yang berikutnya.
- f. Deposit dana-dana dengan cek adalah tertakluk kepada penunaian cek tersebut
- g. Pembayaran faedah, jika ada, hendaklah dibayar:
 - pada tarikh matang; atau
 - pada selang tempoh berkala pada budibicara Bank.
- h. Pengeluaran Deposit-deposit Flexitime sebahagian yang pramatang adalah dibenarkan tertakluk kepada pembayaran faedah penalti ke atas amaun yang dikeluarkan tersebut.

3. Premier/Advance dengan Easigrow (pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)

[Akaun Premier dengan EasiGrow: Layak dilindungi oleh PIDM]

[Akaun Advance dengan EasiGrow: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Pelanggan-pelanggan untuk Akaun Premier/ Advance boleh membuka satu Akaun Premier/ Akaun Advance dengan EasiGrow ("PME") dan:
 - memilih satu tempoh masa selama tiga (3), lima (5) atau sepuluh (10) tahun ("Tempoh Yang Dipilih"); dan
 - mewujudkan satu Arahan Tetap ("AT") bulanan yang memberikuasa kepada Bank untuk memindahkan satu jumlah yang tetap tertakluk kepada jumlah minima sebanyak RM250 dari Akaun Premier/ Advance ke PME pada tarikh yang spesifik setiap bulan sepanjang Tempoh Yang Dipilih ("Tarikh AT").

Pelanggan hanya diperuntukkan untuk mewujudkan satu AT untuk setiap PME.
- b. Faedah akan dikira pada dasar harian dan dikreditkan ke PME secara bulanan.
- c. Tiada kad ATM, kemudahan cek dan Perkhidmatan Mesej Singkat akan diberikan untuk PME.
- d. Menurut perenggan (a) di atas, Pelanggan hanya boleh mewujudkan satu (1) AT sepanjang Tempoh Yang Dipilih untuk PME. Tiada perubahan atau pindaan boleh dibuat ke atas jumlah, cara bayaran dan Tempoh Yang Dipilih.

Kemudahan Overdraif (jika ada) yang diberikan kepada Akaun Premier/Advance tidak akan digunakan untuk melaksanakan AT.
- e. Sebagai tambahan kepada AT yang dilaksanakan setiap bulan, Pelanggan boleh memindahkan secara terus atau menandatangani apa-apa jumlah tambahan ke dalam PME pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Yang Dipilih.
- f. Pelanggan bersetuju bahawa Bank akan melaksanakan AT setiap bulan pada Tarikh AT. Tiada penyumbangan ke dalam PME akan dilakukan di dalam bulan tertentu jika Bank tidak dapat melaksanakan AT kerana ketidak-cukupan dana-dana di dalam Akaun Premier/Advance.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

3. Premier/Advance dengan Easigrow (pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance) (bersambung)

- g. Jika Bank adalah tidak berupaya untuk melaksanakan AT untuk 3 bulan yang berturut-turut, PME hendaklah ditutup pada hari sebelum AT seterusnya akan dilaksanakan kecuali Pelanggan telah memasukkan ke dalam Akaun Premier/Advance jumlah-jumlah untuk AT yang tidak dapat dilaksanakan sebelum itu, supaya ianya dibayar ke dalam PME. Atas penutupan PME, baki di dalam PME setelah menolak apa-apa fi-fi yang terpakai hendaklah dipindahkan ke dalam Akaun Premier/Advance.
- h. (i) Pelanggan bersetuju bahawa bagi tujuan pengeluaran wang dari PME:
- hanya satu (1) pengeluaran adalah dibenarkan dalam setiap bulan kalendar untuk jumlah terbanyak yang bersamaan dengan 10% daripada jumlah baki di dalam PME atau jumlah-jumlah lain sepertimana yang diberitahu oleh Bank dari masa ke semasa (“Had tersebut”);
 - ia hanya boleh dilakukan dari Akaun Premier/Advance dan Pelanggan mestilah memindahkan jumlah yang diperlukan dari PME ke Akaun Premier/Advance terdahulu; dan
 - ia akan tertakluk kepada Terma-terma & Syarat-syarat yang terpakai kepada Akaun Premier/Advance.
- (ii) Di dalam keadaan di mana Pelanggan ingin mengeluarkan jumlah yang melebihi Had tersebut atau membuat lebih daripada satu (1) pengeluaran sebulan daripada PME, PME akan ditutup dan bakinya, setelah menolak apa-apa fi akan dipindahkan ke dalam Akaun Premier/Advance.
- (iii) Baki kredit di dalam PME tidak ditujukan untuk pembayaran cek-cek yang dikeluarkan di bawah Akaun Premier/Advance.
- i. Pelanggan bersetuju bahawa Fi Penutupan Akaun Pramasa yang dinyatakan pada masa tersebut di dalam Tarif dan Caj-caj Bank (yang boleh dilihat di www.hsbc.com.my) akan ditolak dari PME jika ianya ditutup secara pramatang sebelum luputnya Tempoh Yang Dipilih kerana:
- ketidak-upayaan Bank untuk melaksanakan AT untuk tiga (3) bulan secara berterusan menurut perenggan-perenggan (a) dan (d) di atas; atau
 - Pelanggan gagal untuk mewujudkan AT dalam tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan PME; atau
 - Pelanggan membuat lebih daripada satu (1) pengeluaran wang dalam satu bulan kalendar; atau
 - Pelanggan mengeluarkan satu jumlah yang melebihi 10% daripada jumlah baki PME atau jumlah-jumlah lain yang mungkin diberitahu oleh Bank dari masa ke semasa.
- Jika terdapatnya ketidak-cukupan dana-dana di dalam PME, Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menolak Fi Penutupan Akaun Pramasa dari Akaun Premier/Advance atau mana-mana baki kredit yang dipegang oleh Bank.
- j. Pelanggan boleh memperibadikan PME dengan satu nama yang mengandungi tidak melebihi dua puluh lapan (28) karekter melalui Perbankan Peribadi Internet (“PPI”). Nama yang diperibadikan untuk PME akan muncul pada PPI untuk rujukan Pelanggan sahaja dan bukanlah bertujuan untuk menjadikan PME sebagai akaun amanah. Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah tidak bertanggungjawab untuk mengawasi PME supaya ianya digunakan untuk tujuan yang diniatkan (jika ia dicerminkan di dalam nama akaun) dan Pelanggan akan memastikan Bank tidak mengalami kerosakan akibat daripada segala tuntutan dan hendaklah membayar ganti rugi kepada Bank untuk apa-apa kerugian dan kerosakan yang timbul daripada tuntutan tersebut.
- k. Pada hujung Tempoh Yang Dipilih:
- PME akan ditutup secara automatik; dan
 - baki kredit setelah menolak apa-apa fi-fi akan dipindahkan ke dalam Akaun Premier/Advance.

4. Pelan Tambahan Premier/Advance (Premier/Advance PLUS Plan)

[Komponen Akaun Premier dengan EasiGrow layak dilindungi oleh PIDM]

[Komponen Akaun Advance dengan EasiGrow layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Pelanggan-pelanggan untuk Akaun Premier/Advance boleh mengambil bahagian di dalam Premier/Advance PLUS Plan (“Pelan PLUS”), yang mengandungi:
- (i) Akaun Premier/Advance dengan EasiGrow PLUS (“Akaun PEPLUS”); dan
 - (ii) Akaun Pelaburan Unit Amanah (“Akaun UA”).

Pelanggan akan menikmati perlindungan percuma di bawah Sijil Kemalangan Persendirian Takaful (*Takaful Personal Accident (PA) Certificate*) (“Perlindungan PA”) yang ditaja jamin oleh HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn Bhd (“Operator Takaful”) semasa Tempoh Yang Dipilih untuk Pelan PLUS tertakluk kepada Terma-terma & Syarat-syarat di sini dan seperti yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful yang dikeluarkan oleh Operator Takaful.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

4. Pelan Tambahan Premier/Advance (Premier/Advance PLUS Plan)(bersambung)

- b. Pelanggan boleh memilih salah satu pelan-pelan yang disenaraikan di dalam jadual di bawah. Selepas pemilihan dibuat, Bank akan memindahkan bahagian-bahagian daripada jumlah penyumbangan bulanan masing-masing menurut Arahan Tetap Pelanggan ("AT") daripada Akaun Premier/Advance kepada Akaun PEPLUS dan Akaun UA Pelanggan.

AT akan dilaksanakan pada hari kelapan dalam setiap bulan kalendar ("Tarikh AT") sepanjang tempoh pelan terpilih ("Tempoh Yang Dipilih"). Bank mempunyai hak untuk memindahkan Tarikh AT.

PREMIER

PLAN	Tempoh (tahun)	Akaun PEPLUS (RM)	Akaun Perlaburan Unit Amanah (RM)	Jumlah Penyumbangan Bulanan (RM)	Jumlah Perlindungan (RM)	Tempoh Perlindungan Takaful (tahun)
A	3	250	250	500	18,000	3
B	3	500	500	1,000	36,000	3
C	5	250	250	500	30,000	5
D	5	500	500	1,000	60,000	5

ADVANCE

PLAN	Tempoh (tahun)	Akaun PEPLUS (RM)	Akaun Perlaburan Unit Amanah (RM)	Jumlah Penyumbangan Bulanan (RM)	Jumlah Perlindungan (RM)	Tempoh Perlindungan Takaful (tahun)
A	3	250	250	500	18,000	3
B	3	500	500	1,000	36,000	3
C	5	250	250	500	30,000	5
D	5	500	500	1,000	60,000	5
E	5	150	150	300	18,000	5

Jika terdapat ketidak-cukupan dana-dana di dalam Akaun Premier/Advance untuk melaksanakan AT untuk Akaun PEPLUS dan Akaun UA di bawah Pelan PLUS, kedahuluan akan diberikan kepada AT untuk Akaun UA.

- c. Pelanggan bersetuju bahawa bagi pelaburan-pelaburan unit amanah, fi-fi pendahuluan (front end) seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbc.com.my akan ditolak dari penyumbangan bulanan unit amanah dan bakinya akan dilaburkan di dalam Akaun UA menurut perenggan (b) di atas.
- d. Pelan PLUS adalah hanya sedia ada kepada:
- Pelanggan-pelanggan Akaun Premier/Advance tunggal; dan
 - Pelanggan-pelanggan Akaun Premier/Advance dengan mandat bahawa salah seorang daripadanya boleh menandatangani.
- e. Pelanggan bersetuju bahawa tiada perubahan boleh dibuat kepada:
- Jumlah penyumbangan bulanan;
 - Tarikh AT;
 - Cara bayaran;
 - Tempoh Yang Dipilih;
 - Tempoh Perlindungan Takaful; dan
 - Penukaran atau pemindahan dana-dana unit amanah.
- f. Perlindungan PA akan ditamatkan semasa penutupan Akaun PEPLUS pramatang atau penebusan Akaun UA sebelum luputnya Tempoh Yang Dipilih.
- g. Bagi akaun-akaun bersama, hanya salah seorang daripada pemegang-pemegang akaun bersama (seperti yang dinamakan di dalam borang pembukaan akaun) boleh menikmati Perlindungan PA.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

4. Pelan Tambahan Premier/Advance (Premier/Advance PLUS Plan)(bersambung)

h. Arahan-arahan Tetap ("AT")

- (i) Bank mempunyai hak untuk menukar Tarikh AT jika Tarikh AT jatuh pada hujung minggu, cuti am atau pada hari bukan perbankan di Kuala Lumpur.
- (ii) Jika Akaun PEPLUS atau Akaun UA telah ditutup/ditebuskan ("Akaun Terjejas tersebut") atau AT untuk samada Akaun PEPLUS atau Akaun UA telah dibatalkan, AT untuk Akaun Terjejas tersebut akan berhenti secara automatik. Pelanggan boleh meneruskan dengan AT untuk akaun yang masih ada.

i. Akaun Premier/Advance Easigrow Plus

[Komponen Akaun Premier dengan EasiGrow layak dilindungi oleh PIDM]

[Komponen Akaun Advance dengan EasiGrow layak dilindungi oleh PIDM]

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang sedia ada untuk Premier/Advance dengan EasiGrow adalah terpakai kecuali dengan perubahan-perubahan berikut:

- (i) Sebagai tambahan kepada AT yang dilaksanakan setiap bulan untuk Pelan PLUS, Pelanggan boleh memindah atau menandatangani jumlah-jumlah tambahan secara terus ke dalam Akaun PEPLUS pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Yang Dipilih di bawah Pelan PLUS.
- (ii) Jika Bank tidak dapat melaksanakan AT untuk tiga (3) bulan secara berturut-turut, Akaun PEPLUS akan ditutup pada hari sebelum AT seterusnya akan dilaksanakan melainkan Pelanggan telah memasukkan dana-dana ke dalam Akaun Premier/Advance dengan jumlah-jumlah yang tertunggak di bawah AT yang tidak dapat dilaksanakan, supaya ianya boleh dimasukkan ke dalam Akaun PEPLUS. Atas penutupan Akaun PEPLUS, baki di dalam Akaun PEPLUS setelah menolak apa-apa fi-fi yang terpakai hendaklah dipindahkan ke dalam Akaun Premier/Advance.

(iii) Pelanggan bersetuju bahawa bagi tujuan mengeluarkan wang dari Akaun PEPLUS:

- Hanya satu (1) pengeluaran dibenarkan dalam setiap bulan kalendar untuk jumlah maksimumnya sebanyak 50% daripada jumlah baki di dalam PME atau jumlah lain sepertimana yang diberitahu oleh Bank dari masa ke semasa ("Had tersebut")
- Ia hanya boleh dilaksanakan dari Akaun Premier/Advance dan Pelanggan mestilah pertama sekali memindahkan jumlah yang diperuntukkan daripada Akaun PEPLUS ke Akaun Premier/Advance; dan
- Ia akan tertakluk kepada Terma-terma & Syarat-syarat yang terpakai ke atas Akaun Premier/Advance.

Di dalam kejadian di mana Pelanggan ingin mengeluarkan wang yang melebihi Had tersebut atau membuat lebih daripada satu (1) pengeluaran di dalam setiap bulan kalendar daripada Akaun PEPLUS, Akaun PEPLUS akan ditutup dan bakinya setelah menolak apa-apa fi akan dipindahkan ke dalam Akaun Premier/Advance.

Baki-baki Kredit di dalam PME bukan ditujukan untuk pembayaran cek-cek yang diisukan di bawah Akaun Premier/Advance.

(iv) Pelanggan bersetuju bahawa satu Fi Penutupan Akaun Pramasa seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank (yang mana boleh dilihat di www.hsbc.com.my) akan ditolak dari Akaun PEPLUS jika ianya ditutup secara pramatang sebelum luputnya Tempoh Yang Dipilih disebabkan:

- Ketidak-upayaan Bank untuk melaksanakan AT dalam masa 3 bulan menurut perenggan (i)(ii) di atas; atau
- Jika Pelanggan gagal untuk mewujudkan AT dalam tempoh masa tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan Akaun PEPLUS; atau
- Pelanggan membuat lebih daripada satu (1) pengeluaran wang dalam satu bulan kalendar; atau
- Pelanggan mengeluarkan sejumlah yang melebihi 50% daripada jumlah baki di dalam Akaun PEPLUS atau jumlah lain yang diberitahu oleh Bank dari masa ke semasa.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

4. Pelan Tambahan Premier/Advance (Premier/Advance PLUS Plan)(bersambung)

- j. Akaun Unit Amanah – Perkhidmatan Pelaburan
Terma-terma dan Syarat-syarat Mengawasi Perkhidmatan-perkhidmatan Pelaburan yang sedia ada adalah terpakai kecuali dengan perubahan-perubahan berikut:
 - (i) Bank mempunyai budibicara mutlak untuk menentukan jumlah dan jenis dana-dana yang ditawarkan di bawah Pelan PLUS pada bila-bila masa.
 - (ii) Jika Bank tidak dapat melaksanakan AT:
 - pada Tarikh AT kerana ketidak-cukupan dana-dana di dalam Akaun Premier/Advance, tiada penyumbangan ke Akaun UA akan dibuat untuk bulan tersebut; dan
 - untuk tiga (3) bulan berturut-turut kerana ketidak-cukupan dana-dana di dalam Akaun Premier/ Advance, AT untuk Akaun UA akan ditamatkan dengan serta merta.
 - (iii) Semasa kematangan Pelan PLUS, dana-dana unit amanah yang dibeli di bawah Pelan PLUS akan terus berada di dalam Akaun UA Pelanggan di mana Terma-terma dan Syarat-syarat Mengawasi Perkhidmatan-perkhidmatan Pelaburan adalah terpakai.
- k. Jika terdapatnya inkonsistensi, terma-terma dan syarat-syarat hendaklah diberi keutamaan (prevail) di dalam kedahuluan berikut:
 - (i) bahagian Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk HSBC Premier/Advance ke atas Pelan PLUS;
 - (ii) bahagian lain di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk HSBC Premier/Advance;
 - (iii) Terma-terma dan Syarat-syarat Mengawasi Perkhidmatan-perkhidmatan Pelaburan; dan
 - (iv) Terma-terma dan Syarat-syarat Generik (terpakai ke atas semua akaun).
- l. Pelan PLUS beroperasi seperti berikut:
 - (i) Jika dipegang sehingga matang:
 - AT untuk kedua-dua Akaun PEPLUS dan Akaun UA akan luput;
 - Akaun PEPLUS akan secara automatik ditutup dan baki di dalam Akaun PEPLUS setelah menolak apa-apa fi akan dipindahkan ke dalam Akaun Premier/Advance;
 - Akaun UA akan diteruskan dan Pelanggan boleh menebuskan dana-dana unit amanah yang dibeli di bawah Pelan PLUS pada bila-bila masa seperti yang diperuntukkan oleh Pelanggan; dan
 - Perlindungan PA akan luput.
 - (ii) Jika Akaun PEPLUS atau Akaun UT di bawah Pelan PLUS ditutup secara pramatang atau ditebuskan atau AT untuk samada Akaun PEPLUS atau AKAUN UA telah dibatalkan, maka:
 - AT untuk Akaun Terjejas tersebut akan ditamatkan. AT untuk akaun yang masih ada akan berterusan sehingga matangnya Tempoh Yang Dipilih; dan
 - Perlindungan PA akan luput.
 - (iii) Jika terdapatnya tuntutan untuk Perlindungan PA di bawah Pelan PLUS dan keuntungan-keuntungannya adalah dibayar oleh Operator Takaful di bawah terma-terma dan syarat-syarat Perlindungan PA untuk akaun-akaun tunggal atau bersama, maka Perlindungan PA untuk Pelan PLUS tersebut tidak lagi terpakai untuk Tempoh Yang Dipilih yang masih wujud.

5. Akaun Premier Junior

[Akaun Premier Junior: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Akaun Premier Junior (“Akaun Junior”):
 - adalah akaun simpanan eksklusif untuk Pelanggan-pelanggan Premier yang mempunyai anak/anak-anak di bawah umur 18 tahun; dan
 - mengekalkan kriteria-kriteria kelayakan Premier (“Kriteria Kelayakan”).

Kriteria Kelayakan boleh dikemaskinikan dari masa ke semasa dan boleh dilihat di www.hsbc.com.my.
- b. Walaupun Akaun Junior akan didaftarkan di bawah nama Pelanggan dan anak yang dinamakan oleh Pelanggan (“Anak tersebut”), hanya Pelanggan hendaklah:
 - menjadi Pemegang Akaun Junior; dan
 - diberikan akses kepada Akaun Junior untuk melakukan transaksi-transaksi perbankan termasuk ATM, Perbankan Internet dan perkhidmatan Tele-perbankan.

Dalam kejadian di mana transaksi-transaksi tersebut adalah dilakukan oleh Anak tersebut, ianya hendaklah dianggap sebagai dilakukan oleh Pelanggan. Bagi tujuan mengelakkan keraguan, kesemua perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan dengan Akaun Junior adalah untuk kepentingan tunggal Pelanggan kecuali dinyatakan secara berlainan oleh Bank secara bertulis.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

5. Akaun Premier Junior (bersambung)

- c. Akaun Junior bukanlah satu akaun amanah dan Anak tersebut tidak memperoleh apa-apa kepentingan undang-undang dan/atau benefisial di dalam Akaun Junior. Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah tidak bertanggungjawab untuk mengawasi Akaun Junior supaya ianya digunakan untuk tujuan yang diniatkan oleh Pelanggan dan Pelanggan akan memastikan Bank tidak mengalami kerosakan akibat daripada apa-apa tuntutan dan hendaklah membayar gantirugi kepada Bank untuk kerugian-kerugian dan kerosakan-kerosakan akibat daripada tuntutan tersebut.
- d. Bank merizabkan haknya untuk menutup Akaun Junior jika Pelanggan gagal untuk mengekalkan Kriteria Kelayakan.
- e. Di dalam kejadian di mana Akaun Premier Pelanggan ditutup untuk apa-apa alasan sekalipun, Akaun Junior akan secara berlanjutannya ditutup dan baki di dalam Akaun Junior setelah menolak apa-apa fi-fi akan dikembalikan kepada Pelanggan.
- f. (i) Meskipun perenggan-perenggan (b) dan (c) di atas, Kad Pengiktirafan Premier ("Kad tersebut") akan dikeluarkan kepada Anak tersebut bagi tujuan mengenalpasti Anak tersebut kepada Akaun Junior. Kad tersebut:
 - tidak boleh digunakan untuk menjalankan apa-apa transaksi-transaksi perbankan;
 - adalah tidak boleh dipindah milik sama sekali kepada mana-mana pihak; dan
 - adalah hakmilik Bank dan mestilah dipulangkan kepada Bank oleh Pelanggan secara serta merta selepas penutupan Akaun Junior atau pada bila-bila masa seperti diminta oleh Bank.
 (ii) Bank merizabkan hak pada budibicara mutlaknya untuk menarik balik Kad tersebut atau apa-apa manfaat-manfaat daripada Kad tersebut pada bila-bila masa apabila berlakunya kematian, kebangkrapan atau insolvensi Pelanggan atau di dalam keadaan-keadaan yang mana difikirkan sesuai oleh Bank.
- g. Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan maklumat Akaun Junior kepada Anak tersebut.
- h. Satu penyata gabungan bulanan untuk Akaun Junior akan dikeluarkan kepada Pelanggan.
- i. Sejauh mana Anak tersebut masih merupakan seorang yang belum dewasa, Pelanggan akan menikmati kadar-kadar faedah seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Senarai Kadar-kadar Faedah Bank di laman web Bank di www.hsbc.com.my. Faedah-faedah akan dikira pada dasar harian dan dikredikan ke dalam Akaun Junior secara bulanan.
- j. (i) Apabila Anak tersebut menjadi dewasa (berumur 18 tahun), Pelanggan boleh:
 - menutup Akaun Junior dan membuka satu Akaun Premier di bawah nama bersama Pelanggan dan Anak tersebut; atau
 - membuka satu Akaun Premier di bawah nama tunggal Pelanggan; atau
 - membuka satu Akaun Premier di bawah nama tunggal Anak tersebut; dengan syarat bahawa Kriteria Kelayakan telah dipenuhi.
 (ii) Jika Akaun Junior tidak dikendalikan di dalam cara di atas dalam masa 6 bulan daripada tarikh Anak tersebut menjadi dewasa, Akaun Junior tersebut tidak lagi:
 - menikmati kadar faedah seperti yang dinyatakan di perenggan (g) di atas; dan
 - kadar faedah yang terpakai ke atas Akaun Premier akan terpakai.
- k. Deposit permulaan minima yang ditentukan oleh Bank adalah diperuntukkan.

6. Perkhidmatan-Perkhidmatan – Akaun Premier

Kemudahan Perlindungan Cek

- a. (i) Kemudahan Perlindungan Cek (melalui pengisuan cek sehingga RM500);
 - adalah satu lebihan semalaman yang dibenarkan oleh Bank;
 - mestilah diregulasikan pada hujung hari perbankan yang seterusnya;
 - adalah tertakluk kepada hak lazim dan mengatasi Bank untuk dibayar balik atas tuntutan; dan
 - boleh ditarik balik pada budibicara mutlak Bank termasuk jika pengendalian akaun adalah tidak memuaskan termasuk pengembalian cek-cek atau kegagalan untuk meregulasikan kelebihan seperti yang dinyatakan di atas.
 (ii) Pelanggan dengan itu memegang Bank bebas daripada semua liabiliti-liabiliti dan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa tindakan, prosiding undang-undang, tuntutan dan/atau permintaan, kos, kerugian dan perbelanjaan yang mungkin timbul berkenaan dengan pengeluaran tersebut. Jika kemudahan tersebut ditarik balik, kesemua jumlah terhutang, jika ada, hendaklah dikenakan faedah overdraf yang tidak diberikuasa yang terpakai sepertimana yang ditentukan oleh Bank.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

6. Perkhidmatan-Perkhidmatan – Akaun Premier (bersambung)

Penyata-penyata Akaun

- b. Satu penyata akaun bulanan yang bergabung akan dikeluarkan kepada Pelanggan dan;
- dihantar dalam bentuk salinan cetak; atau
 - disediakan dalam format elektronik untuk dimuat turun oleh Pelanggan; dan
 - akan terdiri daripada maklumat ke atas akaun-akaun yang dipegang di bawah nama Pelanggan dengan Bank atau produk-produk/perkhidmatan-perkhidmatan/pelaburan-pelaburan pihak ketiga yang dipromosikan oleh Bank.

Pengubahan Semula (Re-designation), dan lain-lain ke atas Akaun-akaun Premier

- c. (i) Bank boleh atas budi bicara mutlaknyanya, memperuntukkan, meminda, menarik balik, menetapkan semula, menukar (“penetapan semula”) mana-mana atau semua Akaun HSBC Premier, jika Kriteria Kelayakan tidak dipatuhi, atau atas apa jua sebab lain, tanpa sebarang kewajipan memberikan sebab untuk berbuat demikian. Dengan mengekalkan satu atau lebih perkhidmatan tersebut, Pelanggan hendaklah terus tertakluk di bawah Terma dan Syarat ini.
- (ii) Jika Pelanggan gagal untuk terus memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Bank bagi Akaun HSBC Premier untuk tempoh 12 bulan berturut-turut, Bank mempunyai budi bicara untuk menukar taraf Akaun HSBC Premier kepada mana-mana akaun lain secara automatik (“pertukaran automatik”).
- (iii) Jika Bank menggunakan budi bicaranya untuk melaksanakan penetapan semula/pertukaran automatik, Bank akan memaklumkan Pelanggan dan melaraskan dan/atau mengubah semua ciri yang kini dinikmati oleh Pelanggan.
- (iv) Berikutan penetapan semula / pertukaran automatik, peruntukan Terma dan Syarat Spesifik ini dan terma dan syarat lain yang diguna pakai bagi penggunaan mana-mana ciri yang ditamatkan hendaklah terus mengikat Pelanggan sehingga semua kewajipan dan liabiliti yang dihutang oleh Pelanggan kepada Bank berkenaan dengan ciri tersebut telah dipenuhi dan dijelaskan sepenuhnya. Semua peruntukan Terma dan Syarat Spesifik ini dan terma dan syarat lain yang diguna pakai bagi penggunaan mana-mana ciri/akaun baru atau tambahan yang dinikmati oleh Pelanggan disebabkan oleh perubahan tersebut, adalah mengikat Pelanggan dengan serta-merta.
- (v) Kad ATM/Debit Premier dan/atau Kad Kredit Premier World Mastercard yang hanya boleh dipegang bersama Akaun Premier mesti diserahkan kepada Bank dan sebarang baki belum jelas mesti dilunaskan dalam masa 90 hari selepas penetapan semula/pertukaran automatik. Kad ATM/Debit Premier dan/atau Kad Kredit Premier World Mastercard tidak boleh digunakan lagi dan akan dibatalkan/ditamatkan pada akhir tempoh 90 hari selepas penetapan semula/pertukaran automatik Akaun HSBC Premier.
- (vi) Bank tidak akan menanggung liabiliti atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh atau kesulitan kepada Pelanggan disebabkan oleh sebarang penetapan semula/ pertukaran automatik dan ini hendaklah termasuk dan tidak terhad kepada sebarang kerugian yang dialami oleh atau kesulitan kepada Pelanggan akibat daripada pemberian, penamatan, pembatalan atau pelarasan mana-mana ciri yang berkaitan.

Kemudahan-kemudahan Premier

- d. Pembekalan kemudahan-kemudahan faksimili, internet dan bilik mesyuarat (“Kemudahan-kemudahan tersebut”) di cawangan-cawangan terpilih Bank dan HSBC Amanah Malaysia Berhad (“HSBC Amanah”) adalah untuk keselesaan Pelanggan. Bank dan/atau HSBC Amanah tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung kepada:
- (i) apa-apa penangguhan, kesilapan atau kegagalan fungsi dalam transmisi atau penerimaan mesej yang dihantar melalui kemudahan-kemudahan faksimili atau internet; atau
 - (ii) apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang dialami oleh Pelanggan semasa penggunaan Kemudahan-kemudahan tersebut oleh Pelanggan; atau
 - (iii) apa-apa tindakan/peninggalan Pelanggan semasa penggunaan Kemudahan-kemudahan tersebut, memandangkan mereka tidak mewakili pengindorsan Bank atau HSBC Amanah ke atas tindakan-tindakan/peninggalan-peninggalan oleh Pelanggan.

Perkhidmatan-perkhidmatan HSBC Premier/HSBC Amanah Premier

- e. Perkhidmatan-perkhidmatan HSBC Premier/HSBC Amanah Premier (“Perkhidmatan-perkhidmatan Premier”) adalah ditawarkan secara eksklusif kepada pelanggan-pelanggan HSBC Premier/ HSBC Amanah Premier. Diskripsi Perkhidmatan-perkhidmatan Premier boleh:
- dilihat di dalam Paket Aluan HSBC Premier; dan
 - dilihat di www.hsbc.com.my; dan
 - akan menjadi sebahagian daripada dan dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik di sini.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

6. Perkhidmatan-Perkhidmatan – Akaun Premier (bersambung)

Perkhidmatan-perkhidmatan Penunaian Kecemasan

- f. Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:
- Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan akaun(-akaun) Pelanggan dengan satu jumlah yang bersamaan dengan apa-apa jumlah yang dikeluarkan melalui Perkhidmatan Penunaian Kecemasan; dan
 - jika ini menyebabkan akaun(-akaun) Pelanggan menjadi melebihi had, faedah pada kadar overdraf yang tidak diberikuasa akan dikenakan ke atas jumlah yang melebihi had.

Perkhidmatan-perkhidmatan Kad Kredit HSBC Premier World Mastercard disokong oleh Mastercard International Incorporated

- g. (i) Mastercard International Incorporated (“Mastercard”), agen-agennya dan pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Mastercard atau selainnya yang juga memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kad kredit terpilih kepada pemegang-pemegang kad kredit HSBC Premier/HSBC Amanah Premier (“Pemegang-pemegang Kad”).
- (ii) Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank:
- tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa tindakan, tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti dalam apa-apa sifat jua yang timbul daripada apa-apa tindakan atau peninggalan Mastercard atau agen-agennya atau pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga; dan
 - tidak memberi apa-apa waranti mengenai pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan oleh Pusat Bantuan Perkhidmatan Global (Global Service Assistance Centre) atau pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga.
- (iii) Pemegang Kad juga bersetuju bahawa Pemegang Kad adalah bertanggungjawab ke atas segala caj yang terlibat dalam pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan oleh Mastercard, agen-agennya dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga termasuk doktor-doktor, hospital-hospital, klinik-klinik, peguam-peguam, broker-broker tiket, kedai-kedai kemewahan dan entiti-entiti lain yang memberikan bantuan-bantuan, barang-barangan atau perkhidmatan-perkhidmatan menurut rujukan oleh Mastercard atau agen-agen kepada Pemegang Kad.
- (iv) Perkhidmatan-perkhidmatan ini atau sebahagian daripadanya boleh diubah, digantung atau ditarik balik oleh Mastercard dari masa ke semasa. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua untuk apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada perubahan, penggantungan atau penarikan balik kesemua atau sebahagian daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan.

7. Perkhidmatan-Perkhidmatan – Akaun Advance

Kemudahan Perlindungan Cek (jika terpakai)

- a. (i) Kemudahan Perlindungan Cek (melalui pengisuan cek sehingga RM200);
- adalah satu lebihan semalaman yang dibenarkan oleh Bank;
 - perlu diregulasikan pada hujung hari perbankan yang seterusnya;
 - adalah tertakluk kepada hak lazim dan mengatasi Bank untuk dibayar balik atas tuntutan; dan
 - boleh ditarik balik pada budibicara mutlak Bank termasuk jika pengendalian akaun adalah tidak memuaskan termasuk pengembalian cek-cek atau kegagalan untuk meregulasikan kelebihan seperti yang dinyatakan di atas.
- (ii) Pelanggan dengan itu memegang Bank sebagai bebas daripada semua liabiliti dan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa tindakan, prosiding undang-undang, tuntutan dan/atau permintaan, kos, kerugian dan perbelanjaan yang mungkin timbul berkenaan dengan pengeluaran tersebut. Jika kemudahan tersebut ditarik balik, kesemua jumlah terutang, jika ada, hendaklah dikenakan faedah overdraf yang tidak diberikuasa yang terpakai sepertimana yang ditentukan oleh Bank.

Penyata-penyata Akaun

- b. Satu penyata akaun bulanan yang bergabung akan:
- disediakan dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik untuk dimuat turun (“Penyata-E”) untuk Pelanggan; dan
 - terdiri daripada maklumat ke atas akaun-akaun yang dipegang di bawah nama Pelanggan dengan Bank atau produk-produk/perkhidmatan-perkhidmatan/pelaburan-pelaburan pihak ketiga yang dipromosikan oleh Bank.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Premier dan Advance
2. Akaun Deposit Premier dan Advance Flexitime
3. Premier/Advance dengan Easigrow (Pilihan yang berhubung dengan Akaun Premier/Advance)
4. Pelan Tambahan Premier/ Advance (Premier/Advance PLUS Plan)
5. Akaun Premier Junior
6. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Premier
7. Perkhidmatan-perkhidmatan – Akaun Advance

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk HSBC Premier dan HSBC Advance

7. Perkhidmatan-Perkhidmatan – Akaun Advance (bersambung)

- c. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet Peribadi (“PIB”) jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.

Pengubahan Semula (Re-designation), dan lain-lain ke atas Akaun-akaun Advance

- d. (i) Bank boleh atas budi bicara mutlaknyanya, memperuntukkan, meminda, menarik balik, menetapkan semula, menukar (“Penetapan Semula”) mana-mana atau kesemua Akaun HSBC Advance, jika Kriteria Kelayakan tidak dipatuhi, atau atas apa jua sebab lain, tanpa sebarang kewajipan memberikan sebab untuk berbuat demikian. Dengan mengekalkan satu atau lebih perkhidmatan tersebut, Pelanggan hendaklah terus tertakluk di bawah Terma dan Syarat ini.
 - (ii) Jika Pelanggan tidak mengekalkan baki minimum yang ditetapkan oleh Bank bagi Akaun HSBC Advance untuk tempoh 12 bulan berturut-turut, Bank mempunyai budi bicara untuk menukar taraf Akaun HSBC Advance kepada mana-mana akaun lain secara automatik (“pertukaran automatik”)
 - (iii) Jika Bank menggunakan budibicaranya untuk mengubah semula, Bank hendaklah memaklumkan Pelanggan dan mengubahsuaikan dan/atau meminda semua ciri-ciri yang kini dinikmati oleh Pelanggan.
 - (iv) Berikutan pengubahan semula, peruntukan-peruntukan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik di sini dan terma-terma dan syarat-syarat lain yang terpakai yang mengawasi penggunaan apa-apa ciri-ciri yang ditamatkan hendaklah terus mengikat Pelanggan sehingga semua obligasi dan liabiliti yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank berkenaan dengan ciri-ciri tersebut telah dibayar dan diselesaikan sepenuhnya. Semua peruntukan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik di sini dan terma-terma dan syarat-syarat lain yang terpakai yang mengawasi penggunaan apa-apa ciri-ciri baru atau tambahan yang Pelanggan akan menikmati disebabkan oleh perubahan tersebut akan mengikat Pelanggan dengan serta merta.
 - (v) Kad ATM/Debit Advance dan Kad Kredit Advance Visa Platinum yang hanya boleh dipegang bersama Akaun Advance mesti diserahkan kepada Bank dan sebarang baki belum jelas mesti dilunaskan dalam masa 90 hari selepas penetapan semula/pertukaran automatik. Kad ATM/Debit Advance dan Kad Kredit Advance Visa Platinum tidak boleh digunakan lagi dan dibatalkan/ditamatkan pada akhir tempoh 90 hari selepas penetapan semula/pertukaran automatik Akaun HSBC Advance.
 - (vi) Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa kerugian yang dialami atau kesulitan kepada seseorang Pelanggan akibat daripada apa-apa pengubahan semula/pertukaran automatik dan ini akan termasuk tanpa had, apa-apa kerugian yang dialami atau kesulitan kepada Pelanggan akibat daripada pemberian, penamatan atau pengubahsuaian apa-apa ciri-ciri yang berkaitan.

Perkhidmatan-perkhidmatan HSBC Advance/HSBC Amanah Advance

Perkhidmatan-perkhidmatan HSBC Advance/HSBC Amanah Advance (“Perkhidmatan-perkhidmatan Advance”) adalah ditawarkan secara eksklusif kepada pelanggan-pelanggan HSBC Advance/HSBC Amanah Advance. Diskripsi Perkhidmatan-perkhidmatan Advance boleh:

- dilihat di dalam Paket Aluan-e HSBC Advance; dan
- dilihat di www.hsbcadvance.com.my; dan
- akan menjadi sebahagian daripada dan dibaca bersama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat di sini.

Perkhidmatan Penunaian Kecemasan

- Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:
- Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan akaun(-akaun) Pelanggan dengan satu jumlah yang bersamaan dengan apa-apa jumlah yang dikeluarkan melalui Perkhidmatan Penunaian Kecemasan; dan
- jika ini menyebabkan akaun(-akaun) Pelanggan menjadi melebihi had, faedah pada kadar overdraf yang tidak diberikuasa yang terpakai pada masa kini akan dikenakan ke atas jumlah yang melebihi had.

Kandungan

Akaun-akuan

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik ini (tidak terpakai ke atas kad-kad kredit) hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Generik.

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi

[Akaun Penyata Simpanan-Simpanan Kadar Tertinggi: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Penyata-penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") akan diisukan kepada Pelanggan atas dasar suku tahun. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi Perbankan Internet Peribadi ("PIB") jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.
- b. Faedah hendaklah:
 - dikira pada dasar harian ke atas baki pada hujung setiap hari pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa; dan
 - dikreditkan ke akaun setiap bulan Jun dan Disember, dibulatkan ke sen yang paling dekat.

Jika akaun ditutup, faedah yang terakru ke atas akaun akan dikira sehingga hari terakhir yang telah disempurnakan sebelum ianya ditutup.
- c. Deposit permulaan minima yang ditentukan oleh Bank adalah diperuntukkan.

2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior

[Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi: Layak dilindungi oleh PIDM]

[Akaun Simpanan Kadar Tertinggi Junior: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Kesemua terma dan syarat yang dinyatakan di dalam buku-buku simpanan akan menjadi sebahagian daripada Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik ini.
- b. Pelanggan bersetuju bahawa ia merupakan tanggungjawab Pelanggan untuk menyimpan buku simpanan dengan selamat dan di bawah kawalan tunggalnya pada setiap masa, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

Jika buku simpanan tersebut hilang, Pelanggan mesti:

- memaklumkan Bank dengan serta merta; dan
- memberi kepada Bank satu surat indemniti yang telah ditandatangani di dalam format yang diperuntukkan oleh Bank (duti setem akan ditanggung oleh Pelanggan);

sebelum satu buku simpanan baru diisi dan Pelanggan bersetuju bahawa satu fi untuk pengisuan buku simpanan yang baru seperti yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbc.com.my akan dikenakan.

- c. Faedah hendaklah:
 - dikira pada dasar harian ke atas baki pada hujung setiap hari pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa; dan
 - dikreditkan ke akaun pada setiap bulan Jun dan Disember, dibulatkan ke sen yang paling dekat.

Jika akan ditutup, faedah yang terakru ke atas akaun akan dikira sehingga hari terakhir yang telah disempurnakan sebelum ianya ditutup.
- d. Untuk Akaun-akaun Simpanan Buku-simpanan Kadar Tertinggi, satu fi bulanan akaun seperti yang dinyatakan buat masa kini di Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat www.hsbc.com.my hendaklah dikenakan.
- e. Bagi Akaun Simpanan Kadar Tertinggi Junior:
 - satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan;
 - faedah minima seperti yang dipriskribkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) harus terpakai;
 - terdapat satu had di mana hanya 1 pengeluaran sahaja boleh dibuat dalam sebulan; and
 - Pelanggan bersetuju untuk menghadiri di Bank secara persendirian dengan benefisiari untuk menukar Akaun Simpanan Kadar Tertinggi Junior kepada Akaun Simpanan Asas apabila benefisiari berumur 18 tahun, selain daripada itu Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk meneruskan dengan penukaran kepada Akaun Simpanan Asas untuk dipegang di bawah amanah untuk benefisiari.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (Terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012)

[Akaun Simpanan Kadar Tertinggi Junior: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior ("Akaun") merupakan satu akaun yang dipegang sebagai amanah oleh Ibubapa ("Ibubapa") untuk manfaat Anak ("Anak").
- b. Akaun hanya boleh dibuka untuk satu (1) Anak bagi setiap Ibubapa bagi setiap akaun. Walaubagaimanapun, Ibubapa boleh membuka Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior berganda dengan anak-anak yang lain.
- c. Anak hendaklah berumur di bawah 18 tahun
- d. Akaun tersebut bukanlah akaun bersama walaupun Bank akan mengekalkan rekod bagi kedua-dua Ibubapa dan Anak
- e. Deposit permulaan minima sebanyak RM1.00 adalah diperuntukkan.
- f. Pengeluaran daripada Akaun dihadkan kepada satu (1) pengeluaran bagi setiap bulan kalendar. Had pengeluaran ini termasuk pengeluaran-pengeluaran pasaran atas kaunter dan pindahan-pindahan melalui Perbankan Internet.
- g. Akaun hendaklah diuruskan oleh Ibubapa, dan Bank hendaklah bertindak atas arahan-arahan oleh Ibubapa yang berkaitan dengan Akaun (termasuklah, tanpa had, arahan-arahan untuk pengeluaran atau pembayaran dari Akaun) dan tidak akan menerima arahan-arahan daripada Anak. Ibubapa boleh menutup Akaun tanpa kehadiran Anak sebelum Anak mencecah umur 18 tahun. Walaubagaimanapun, sekiranya Anak mencecah umur 18 tahun, Ibubapa bersetuju untuk hadir ke Bank bersama dengan Anak untuk menutup Akaun dan membuka akaun baru dengan Bank. Dalam apa-apa keadaan, sekiranya Anak mencecah umur 18 tahun, Bank akan menukar kadar faedah yang kena dibayar ke atas Akaun kepada kadar faedah semasa Akaun Simpanan Asas.
- h. Ibubapa bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan maklumat Akaun kepada Anak.
- i. Tiada kad ATM, buku simpanan, buku cek atau kemudahan overdraf akan dikeluarkan kepada Akaun. Walaubagaimanapun, atas permintaan, Ibubapa boleh mendaftar untuk perkhidmatan-perkhidmatan Perbankan Peribadi Internet ("PIB")
- j. Penyata Akaun di dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") hendaklah dikeluarkan dan dihantar kepada Ibubapa pada dasar suku tahun. Penyata-E ini mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank atau menerusi PIB jika pelanggan merupakan pengguna berdaftar.
- k. Faedah hendaklah:
 - dikira pada dasar harian ke atas baki pada hujung setiap hari pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa; dan
 - dikreditkan ke akaun pada setiap bulan Jun dan Disember, dibulatkan kepada sen yang paling dekat.
 - Jika Akaun ditutup, faedah yang terakru ke atas Akaun akan dikira sehingga hari terakhir yang telah disempurnakan sebelum ianya ditutup.
- l. Apa-apa penukaran identiti Ibubapa dan/atau Anak hendaklah memerlukan kebenaran bertulis Bank (yang boleh ditangguh atas budibicara mutlak Bank), dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu dan pelaksanaan dokumen-dokumen tertentu sebagaimana Bank peruntukkan (ini hendaklah termasuk tanpa terhad, penutupan Akaun dan pembukaan satu akaun baru).
- m. Dalam hal kematian Anak atau Ibubapa, Bank hendaklah dimaklumkan dengan serta-merta. Bank hendaklah menutup Akaun atas mana-mana kematian. Dalam hal kematian Anak, dana-dana di dalam Akaun akan dibayar kepada atau mengikut arahan Ibubapa. Dalam hal kematian Ibubapa, dana-dana di dalam Akaun akan dibayar kepada atau mengikut arahan mana-mana wakil diri Ibubapa.
- n. Bank adalah berhak untuk menangguhkan pembayaran dana-dana di dalam Akaun tanpa tanggungan untuk membayar faedah selepas penutupan akaun, melainkan dan sehingga pengeluaran geran probet atau surat-surat pentadbiran di bawah undang-undang Malaysia membuktikan perlantikan wakil diri tersebut.

Kandungan

Akaun-akuan

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

4. Akaun Simpanan Asas

[Akaun Simpanan Asas: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Faedah hendaklah:
 - dikira pada dasar harian ke atas baki pada hujung setiap hari pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa; dan
 - dikreditkan ke akaun pada setiap bulan Jun dan Disember, dibulatkan ke sen yang paling dekat.

Jika akan ditutup, faedah yang terakru ke atas akaun akan dikira sehingga hari terakhir yang telah disempurnakan sebelum ianya ditutup.
- b. Penyata-penyata Akaun akan dihasilkan tetapi tidak dihantar kepada Pelanggan. Akan tetapi, atas permintaan, penyata-penyata suku tahunan atau pada selang masa tersebut yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa, boleh disediakan untuk Pelanggan pada satu fi yang ditentukan oleh Bank atau dihantar kepada Pelanggan dalam bentuk elektronik ke alamat emel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank menerusi Perbankan Internet Peribadi ("PIB") jika Pelanggan merupakan pengguna berdaftar.
- c. Jumlah minima sebanyak RM20 (atau jumlah minima lain yang dinyatakan oleh Bank dan/atau pihak-pihak berkuasa berperaturan yang relevan) adalah diperuntukkan untuk dikekalkan di dalam akaun pada semua masa.

5. Akaun Simpanan Asas

(Terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009)

[Akaun Simpanan Asas: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Faedah yang terakru hendaklah:
 - dikira pada dasar harian ke atas baki pada hujung setiap hari pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa; dan
 - dikreditkan ke akaun pada setiap bulan Jun dan Disember, dibulatkan ke sen yang paling dekat.

Jika akan ditutup, faedah yang terakru ke atas akaun akan dikira sehingga hari terakhir yang telah disempurnakan sebelum ianya ditutup.
- b. Penyata akaun di dalam salinan cetak atau format elektronik ("Penyata-E") hendaklah dikeluarkan dan dihantar kepada Pelanggan pada dasar suku tahun. Penyata-E mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat emel terakhir Pelanggan yang diketahui kepada Bank atau menerusi Perbankan Internet Peribadi ("PIB") jika Pelanggan ialah pengguna berdaftar.
- c. Satu baki minima sebanyak RM20 (atau jumlah minima lain yang dinyatakan oleh Bank dan/atau pihak-pihak berkuasa berperaturan yang relevan) adalah diperuntukkan untuk dikekalkan di dalam akaun pada semua masa.

6. Akaun Semasa

[Akaun Semasa: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan tidak pernah dilaporkan oleh mana-mana bank kepada biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak untuk menutup akaunnya jika Pelanggan dilaporkan tersebut.
 - b. Pelanggan bersetuju untuk menyemak atas penerimaan bahawa:
 - Pelanggan telah menerima jumlah buku-buku cek yang betul;
 - setiap buku cek mempunyai jumlah mukasurat-mukasurat cek yang betul;
 - butir-butir akaun yang dicetak adalah betul; dan
 - akan membaca dan menjalankan semua arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek;

dan jika Pelanggan gagal untuk melakukan perkara-perkara ini, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
 - c. Pelanggan bersetuju bahawa adalah merupakan tanggungjawab Pelanggan untuk menyimpan buku cek dengan selamat (sebaik-baiknya dikunci) dan di bawah kawalan mutlak pada semua masa, dan jika Pelanggan gagal untuk berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- Pelanggan bersetuju untuk tidak menulis cek dalam cara yang boleh membenarkan cek tersebut untuk diubah atau memudahkan frod, dan untuk mengambil langkah berjaga-jaga seperti, dan tidak terhad kepada:

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

6. Akaun Semasa (bersambung)

- menggunakan hanya dakwat yang tidak boleh dipadamkan (bukan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau apa-apa instrumen lain yang boleh dipadamkan);
- tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan;
- tidak menandatangani cek-cek kosong; dan
- memusnahkan cek-cek rosak dengan sepenuhnya;

kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan tiada liabiliti ditanggung oleh Bank.

d. Pelanggan bersetuju untuk:

- tidak menulis apa-apa notasi pada di atas cek, dan jika apa-apa notasi adalah tertulis, Bank mempunyai hak untuk mengabaikan notasi-notasi tersebut tanpa apa-apa tanggungjawab kepada Pelanggan; dan
 - tidak membuat apa-apa perubahan pada cek, dan Bank mempunyai hak untuk tidak menunaikan dan mengembalikan cek tersebut jika Bank berpendapat bahawa terdapatnya perubahan, walaupun perubahan tersebut telah disahkan oleh tandatangan penandatangani yang diberi kuasa.
- e. Pelanggan bersetuju untuk tidak mengisukan cek-cek di mana tiada dana yang mencukupi di dalam akaun. Caj-caj penalti untuk cek-cek yang dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi pada kadar yang dinyatakan pada masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbc.com.my akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.
- f. Pelanggan bersetuju untuk tidak mengisukan cek-cek di mana tiada dana yang mencukupi di dalam akaun. Caj-caj penalti untuk cek-cek yang dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi pada kadar yang dinyatakan pada masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di:
- perkataan “stop payment” akan dicetak pada cek tersebut;
 - pengemukaan semula cek tersebut tidak akan dibenarkan; dan
 - fi-fi pengendalian dan caj-caj penalti (jika akaun mempunyai dana yang tidak mencukupi untuk cek tersebut) akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.

7. Akaun Semasa Asas

[Akaun Semasa Asas: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Satu penyata akaun yang mengandungi maklumat berkenaan dengan akaun(-akaun) yang dipegang di bawah nama Pelanggan dengan Bank akan dikeluarkan kepada Pelanggan pada dasar bulanan atau selang masa lain yang dibenarkan dan ditentukan oleh Bank. Penyata dalam bentuk elektronik mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat e-mel terakhir Pelanggan yang diketahui oleh Bank menerusi Perbankan Internet Peribadi (“PIB”) jika Pelanggan merupakan pengguna berdaftar.
- b. Pengeluaran melebihi had adalah tidak dibenarkan di bawah akaun. Dalam kejadian pengeluaran melebihi had yang tidak diberikuasa, Bank berhak untuk mendebitkan akaun atau mana-mana akaun lain Pelanggan dengan Bank dengan faedah ke atas jumlah yang melebihi had pada kadar overdraf yang tidak diberikuasa yang terpakai pada masa kini (tertakluk kepada pindaan) atau jumlah minima sebanyak RM50 atau jumlah minima lain yang dibenarkan untuk dikenakan oleh Bank dari masa ke semasa.
- c. Bank merizabkan hak untuk enggan membayar atas arahan pengeluaran atau penunaian cek (melalui pengisuan cek kepada pihak ketiga) dari akaun Pelanggan, kepada satu pihak ketiga samada telah diberikuasa atau dikatakan telah diberikuasa oleh Pelanggan di cawangan akaun.
- d. Terma-terma & Syarat-syarat untuk Akaun Semasa juga terpakai.

8. Akaun Semasa Asas (terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009)

[Akaun Semasa Asas: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Satu penyata akaun dalam bentuk salinan cetak atau format elektronik (“Penyata-E”) yang mengandungi maklumat berkenaan dengan akaun akan dikeluarkan dan dihantar kepada Pelanggan pada dasar bulanan atau selang masa lain yang dibenarkan dan ditentukan oleh Bank. Penyata-E mungkin dihantar kepada Pelanggan menerusi mel elektronik ke alamat emel terakhir Pelanggan yang diketahui kepada Bank atau menerusi Perbankan Internet Peribadi (“PIB”) jika Pelanggan ialah pengguna berdaftar.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)
11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

8. Akaun Semasa Asas (bersambung)

- b. Pengeluaran melebihi had adalah tidak dibenarkan di bawah akaun. Dalam kejadian pengeluaran melebihi had yang tidak diberikuasa, Bank berhak untuk mendebitkan akaun atau mana-mana akaun lain Pelanggan dengan Bank dengan faedah ke atas jumlah yang melebihi had pada kadar overdraf yang tidak diberikuasa yang terpakai pada masa kini (tertakluk kepada pindaan) atau jumlah minima sebanyak RM50 atau jumlah minima lain yang dibenarkan untuk dikenakan oleh Bank dari masa ke semasa.
- c. Bank merizabkan hak untuk enggan membayar atas arahan pengeluaran atau penunaian cek (melalui pengisuan cek kepada pihak ketiga) dari akaun Pelanggan, kepada satu pihak ketiga samada telah diberikuasa atau dikatakan telah diberikuasa oleh Pelanggan di cawangan akaun.
- d. Pelanggan bersetuju bahawa satu fi seperti yang dinyatakan pada masa tersebut di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbc.com.my akan dikenakan jika akaun ditutup dalam masa 3 bulan selepas pembukaannya.
- e. Terma-terma & Syarat-syarat untuk Akaun Semasa hendaklah terpakai.

9. Akaun Deposit Masa (Time Deposit Account)

[Akaun Deposit Masa: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.
- b. Deposit-deposit akan menghasilkan faedah mudah, kecuali ianya dinyatakan berlainan secara bertulis oleh Bank.
- c. Tempoh masa perletakan adalah tertakluk kepada minima 1 bulan dan maksima 60 bulan
- d. Pembayaran faedah ke atas akaun deposit masa yang dikeluarkan sebelum tarikh matangnya akan:
 - di mana akaun deposit masa telah dipegang untuk 3 bulan atau untuk tempoh yang lebih lama, faedah akan dibayar pada separuh daripada kadar kontrak untuk setiap bulan yang disempurnakan; dan
 - di mana akaun deposit masa telah dipegang untuk tempoh kurang daripada 3 bulan, tiada faedah akan dibayar.
- e. Kesemua deposit bersama dengan faedah yang dihasilkan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang, kecuali arahan-arahan secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang disediakan oleh Bank telah diterima oleh Bank daripada Pelanggan atau pengganti-pengganti dalam gelaran (successors in title) sebelum itu. Pelanggan mempunyai hak untuk memberi dan/atau meminda apa-apa arahan-arahan sehingga tarikh matang.
- f. Jika tarikh matang jatuh pada hari yang bukan merupakan hari perbankan, ia akan diubah secara automatik kepada hari perbankan yang berikutnya.
- g. Deposit dana-dana dengan cek adalah tertakluk kepada penunaian cek tersebut.
- h. Pembayaran faedah, jika ada, hendaklah dibayar:
 - pada tarikh matang; atau
 - pada selang tempoh berkala pada budibicara Bank.

10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

[Tidak layak untuk perlindungan PIDM]

1. Amaun yang dilaburkan dalam HSBC Gold Account ("Akaun tersebut") akan direkodkan sebagai GLD di mana 1 (satu) unit GLD mewakili 0.1 unit XAU (kod matawang piawai antarabangsa untuk emas).
Nota: 1.00 XAU mewakili 1 troy auns emas, di mana 1.00 XAU = 10.00 GLD (dikira kepada dua titik perpuluhan selepas titik perpuluhan kedua dibundarkan).
2. Unit GLD ialah unit pengiraan hakmilik yang digunakan oleh pihak Bank sahaja dan tidak boleh dipindahkan kepada akaun-akaun lain atau bank-bank lain. Nilai GLD dalam Akaun tersebut mewakili nilai tunai (cash) yang bersamaan dengan pelaburan tersebut.
3. Tiada deposit fizikal atau pengeluaran Emas dari atau kepada Akaun tersebut dibenarkan. Akaun tersebut **tidak** melibatkan penghantaran fizikal emas dan baki GLD Pelanggan dalam Akaun tersebut tidak mewakili pembelian kuantiti emas fizikal yang bersamaan dengannya. Pelanggan **tidak** pada bila-bila masa memperoleh apa-apa hak, pemilikan dan pemunyaan apa-apa emas fizikal.
4. Pelanggan-Pelanggan (termasuk setiap pemegang akaun bersama, jika lebih daripada satu) mestilah berumur 18 tahun ke atas untuk layak untuk membuka Akaun tersebut, tetapi apa-apa permohonan untuk membuka Akaun tersebut adalah tertakluk kepada budibicara Bank.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

10. HSBC Gold Account (10/06/2013) (bersambung)

5. Pelanggan mesti mengekalkan akaun semasa atau simpanan yang didenominasikan dalam Ringgit Malaysia (MYR) dengan pihak Bank untuk menukarkan:-
 - MYR kepada amaun GLD yang diperlukan untuk dikreditkan kepada Akaun tersebut;
 - Daripada unit GLD kepada MYR;

dan untuk mendebitkan yuran-yuran, duti setem dan penalti (jika ada) yang terpakai kepada Akaun tersebut.

Jika Pelanggan juga membuka dan mengekalkan akaun deposit permintaan yang didenominasikan dalam matawang asing dengan pihak Bank, penukaran langsung kepada dan daripada GLD ke matawang relevan akaun tersebut mungkin dibenarkan untuk pasangan-pasangan matawang asing-kepada-XAU yang tertentu atau dalam keadaan yang ditentukan oleh pihak Bank (sila rujuk dengan kakitangan perbankan peribadi pihak Bank untuk GLD kepada akaun didenominasi dalam matawang asing yang mana boleh ditukarkan secara langsung, dan bila).

Informasi berkenaan dengan baki-baki GLD dalam HSBC Gold Account akan dimasukkan dalam penyata-penyata berkala akaun MYR tersebut.
6. Warganegara, pemastautin atau pemastautin tetap atau pemegang kad hijau Amerika Syarikat atau Kanada tidak layak untuk melabur dalam HSBC Gold Account.
7. Akaun tersebut boleh dioperasikan sebagai akaun tunggal atau bersama yang dibuka dalam kedua-dua nama, tetapi tidak lebih daripada dua (2), orang.
8. Akaun tersebut **tidak membayar apa-apa faedah atau pemerolehan**. Harga-harga emas antarabangsa, yang mana nilai GLD adalah dikaitkan, berubah-ubah, yang boleh mengakibatkan keuntungan modal, **atau kerugian**, kepada Pelanggan. Nilai amaun GLD yang boleh dibayar kepada atau boleh diterima oleh Pelanggan adalah berdasarkan harga-harga belian dan jualan yang disebut harga oleh Bank dari masa ke masa. Harga-harga ini dikira dengan rujukan kepada harga nilai rujukan emas, kadar penukaran matawang asing USD (atau matawang asing lain yang diterimapakai) dan Ringgit Malaysia, dan tertakluk kepada margin keuntungan Bank. Pergerakan harga-harga emas mungkin tidak berkorelasi secara langsung dengan peratusan harga belian dan jualan pergerakan harga GLD yang sama.
9. Akaun tersebut tidak dilindungi di bawah skema insurans deposit oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
10. Pelanggan boleh mengarahkan Bank untuk membeli dan menjual GLD terhadap MYR, atau matawang asing yang lain yang sebagaimana adalah tersedia untuk transaksi dari masa ke masa (sila rujuk Bank) sewaktu masa perniagaan Bank (dari 9.00 pagi ke 4.30 petang, waktu Kuala Lumpur), pada hari yang mana adalah hari perbankan biasa di cawangan Bank yang ditetapkan yang relevan di kawasan-kawasan berikut: Kuala Lumpur, New York dan London DAN jika belum menjadi kawasan-kawasan yang dinyatakan di atas, Sydney (jika pasangan matawang ke XAU/GLD ialah AUD), Singapura (jika pasangan matawang ke XAU/GLD ialah SGD), atau jika pasangan matawang ialah matawang asing yang lain, pusat kewangan yang relevan untuk matawang asing tersebut. Jika terdapat penukaran kepada masa-masa urusi niaga di atas, masa-masa yang dinyatakan dalam pengumuman awam di laman web Bank akan terpakai.
11. Deposit minimum terdahulu sebanyak 10 GLD diperlukan. Semua deposit/pengeluaran minimum yang seterusnya akan dalam gandaan 1 GLD atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh Bank. Hanya pengeluaran untuk penutupan GLD boleh dalam apa-apa amaun/kuantiti sepertimana adalah amaun dalam Akaun tersebut.
12. Akaun tersebut hanya boleh ditutup oleh Pelanggan (Pelanggan-Pelanggan) secara sendiri di cawangan di mana Akaun tersebut telah dibuka.
13. Operasi Akaun tersebut tertakluk kepada peraturan-peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang terpakai.
14. Pelanggan dapat menyemak harga-harga belian dan jualan GLD Bank (disebut harga terhadap MYR) di laman web Bank, atau boleh melawat secara sendiri di mana-mana cawangan-cawangan Bank. Helaian-Helaian Kadar Indikatif Pertukaran Asing yang menunjukkan kadar-kadar pertukaran GLD (disebut harga terhadap matawang asing tertentu) boleh disediakan atas permintaan. Namun, disebabkan harga emas tertakluk kepada pergerakan yang luas dalam satu hari, dan harga belian dan jualan GLD akan bertindak balas berpadanan dengannya, harga atau nilai penyelesaian sebenar hanya boleh diketahui pada atau sekitar masa permohonan transaksi GLD diterima, dan hanya apabila Pelanggan mengakuterima dan bersetuju akan harga transaksi GLD (yang mungkin perlu disahkan seterusnya jika harga tersebut telah kini bergerak sejak sebut harga terdahulu) akan satu transaksi dilaksanakan selaras dengan arahan Pelanggan.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

10. HSBC Gold Account (10/06/2013) (bersambung)

15. Pelanggan mesti melawat cawangan yang telah ditetapkan secara kediri untuk melaksanakan transaksi HSBC Gold Account. Pelanggan mesti menggunakan Ringgit Malaysia (MYR) beliau, atau di mana dibenarkan, akaun simpanan atau semasa yang didenominasikan matawang asing yang dikekalkan dengan Bank untuk melaksanakan transaksi-transaksi tersebut, dan bersetuju untuk memberikuasa kepada Bank untuk mendebitkan secara terus daripada akaun deposit permintaan amaun untuk membayar untuk pembelian unit-unit GLD, manakala amaun yang diterima daripada apa-apa jualan unit-unit GLD akan dikreditkan secara terus kepada akaun deposit permintaan tersebut. Jika Pelanggan belum membuka akaun dalam matawang urusniaga yang ditentukan, beliau hanya akan dibenarkan untuk berurusniaga dalam matawang tersebut selepas beliau membuka akaun matawang tersebut.
16. Apa-apa pemindahan antara Akaun-Akaun tersebut tidak dibenarkan, dan pihak Bank tidak menyediakan perkhidmatan untuk kiriman wang antara Bank dalam emas.
17. Kad Debit/ATM dan buku cek tidak akan diisukan untuk Akaun tersebut.
18. Akaun tersebut tidak boleh diserahkan tanpa kebenaran terdahulu Bank, yang mana adalah dalam budibicara Bank untuk menolak, dan tidak boleh digunakan sebagai kolateral/jaminan dalam apa bentuk sekalipun (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa sandaran, gadaian atau cagaran) untuk kemudahan pinjaman atau kredit selain daripada yang diperolehi daripada Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC (penerimaan jaminan atas budibicara Bank, atau pemberi pinjaman atau pembiaya kewangan Kumpulan HSBC yang relevan).
19. Di samping itu apa-apa lien Jurubank atau undang-undang lain atau hak-hak ekuiti yang Bank ada yang timbul dari hubungan bank-pelanggan, Bank adalah bebas pada bila-bila masa tanpa notis kepada Pelanggan, untuk menggabungkan dan menyatukan kesemua atau mana-mana akaun(-akaun) Pelanggan (sama ada overdraf, pinjaman atau apa-apa tempoh atau permintaan deposit akaun, semua yang tersebut di atas dalam apa-apa jenis, termasuklah Akaun tersebut) dengan Bank kini atau kemudian, dan boleh ditolak dan atau memindahkan apa-apa wang, hak atau kepentingan yang terhutang kepada Pelanggan oleh Bank dalam atau di bawah mana-mana satu atau lebih akaun tersebut, demi memuaskan apa-apa liabiliti atau jumlah wang yang kena dibayar atau terhutang oleh Pelanggan kepada bank, sama ada yang sebenar, luar jangkauan, utama atau sandaran, tanpa mengira matawang yang kena dibayar atau terhutang.
20. Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai budibicara yang penuh dan mutlak berkenaan masa, harga dan terma-terma jualan GLD dalam proses menjalankan mana-mana hak Bank di sini yang melibatkan pembubaran GLD di dalam Akaun Pelanggan bagi menjalankan hak-hak tersebut, yang mana adalah muktamad, pasti dan mengikat Pelanggan. Tidak akan ada kewajipan yang tersirat ke atas Bank untuk mendapatkan harga yang sebaik mungkin atau pulangan dalam membubarkan baki atau sebahagian Akaun GLD dalam menjalankan hak-hak Bank yang tersebut, dan apa-apa kewajipan tersebut adalah dipersetujui untuk dilepaskan oleh Pelanggan.
21. (i) Akaun tanpa deposit atau pengeluaran untuk satu tempoh berterusan selama 12 bulan (tidak termasuk sesiapa yang didorong oleh Bank) akan diklasifikasikan oleh Bank sebagai dormant. Akaun dormant untuk satu tempoh berterusan selama 7 tahun akan diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut dan akan dikendalikan selaras dengan peruntukan-peruntukan bagi wang yang tidak dituntut.
(ii) Pelanggan tidak boleh melakukan transaksi ke atas akaun dormant sehingga Pelanggan mengaktifkan semula akaun tersebut di kaunter Bank sebelum akaun tersebut diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut.
22. Melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain, kata-kata yang digunakan di sini dalam bentuk tunggal hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya, dan perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk semua jantina.

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

[Akaun Bergabungan – Akaun-Akaun Matawang Asing (FCY): Layak dilindungi oleh PIDM]

Pelanggan mesti pada mula-mulanya membuka atau mempunyai akaun Ringgit.

11. Akaun Semasa FCY

[Akaun Semasa FCY: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan. Baki-baki kredit akaun tidak menghasilkan faedah, tiada buku cek akan dikeluarkan dan tiada pengeluaran melebihi had dibenarkan. Deposit/pengeluaran tunai adalah tidak dibenarkan.

Kandungan

Akaun-akaun

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

11. Akaun Semasa FCY (bersambung)

- b. Pelanggan mesti membuka satu akaun Ringgit untuk menukar:
 - Ringgit kepada matawang asing yang diperlukan untuk dikreditkan ke dalam akaun tersebut; atau
 - matawang asing kepada Ringgit;
 kerana deposit/pengeluaran tunai dalam matawang asing adalah tidak dibenarkan, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun Ringgit tersebut.
- c. Kesemua cek-cek dan instrumen-instrumen monetari lain yang diterima untuk deposit adalah dikreditkan tertakluk kepada pembayaran. Bank merizabkan hak untuk mendebitkan akaun dengan jumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dikreditkan lebih awal jika cek, arahan pembayaran (payment order) atau instrumen yang relevan adalah dikembalikan kemudiannya tanpa bayaran.
- d. Pelanggan mengakui bahawa matawang yang didepositkan di dalam matawang selain daripada USD, GBP, HKD, SGD dan EUR akan menerima nilainya 2 hari perbankan selepas tarikh deposit.
- e. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu oleh Bank.
- f. Pelanggan mengakui bahawa pengendalian akaun adalah tertakluk kepada peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang terpakai kini.
- g. Pelanggan bersetuju bahawa jika jumlah yang didepositkan melebihi apa-apa had yang dipriskrikan oleh peraturan-peraturan kawalan penukaran, Bank boleh mendebitkan akaun, menukarkan kelebihan tersebut ke dalam Ringgit pada kadar semasa pembelian Bank dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan dengan Bank.

12. Akaun Simpanan FCY

[Akaun Simpanan FCY: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan. Bank boleh mengenakan fi-fi dan caj-caj dalam budibicaranya dan sepertimana yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank yang boleh dilihat di www.hsbc.com.my.
- b. Pelanggan mesti membuka satu akaun Ringgit untuk menukar:
 - Ringgit kepada matawang asing yang diperlukan untuk dikreditkan ke dalam akaun tersebut; atau
 - matawang asing kepada Ringgit;
 kerana deposit/pengeluaran tunai dalam matawang asing adalah tidak dibenarkan, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun Ringgit tersebut.
- c. Pelanggan mengakui bahawa deposit-deposit matawang asing di dalam matawang selain daripada USD, GBP, HKD, SGD dan EUR akan menerima nilainya 2 hari perbankan selepas tarikh deposit.
- d. Pelanggan mengakui bahawa jumlah-jumlah yang depositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui indorsemen atau lain-lainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu Bank.
- e. Faedah hendaklah:
 - dikira pada dasar harian ke atas baki pada hujung setiap hari pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa; dan
 - dikreditkan ke akaun pada setiap bulan Jun dan Disember, dibulatkan ke sen yang paling dekat. Jika akaun ditutup, faedah yang terakru ke atas akaun akan dikira sehingga hari terakhir yang telah disempurnakan sebelum ianya ditutup.
- f. Pelanggan mengakui bahawa pengendalian akaun adalah tertakluk kepada peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang terpakai kini.
- g. Pelanggan bersetuju bahawa jika jumlah yang didepositkan melebihi apa-apa had yang dipriskrikan oleh peraturan-peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, Bank boleh mendebitkan akaun, menukarkan kelebihan tersebut ke dalam Ringgit pada kadar semasa pembelian Bank dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan dengan bank.

Kandungan

Akaun-akuan

1. Akaun Penyata Simpanan-simpanan Kadar Tertinggi
2. Akaun Simpanan Buku-Simpanan Kadar Tertinggi/Simpanan Kadar Tertinggi Junior
3. Akaun Simpanan Penyata Kadar Tertinggi Junior (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 7 Januari 2012*)
4. Akaun Simpanan Asas
5. Akaun Simpanan Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
6. Akaun Semasa
7. Akaun Semasa Asas
8. Akaun Semasa Asas (*terpakai ke atas akaun-akaun yang dibuka dari 1 September 2009*)
9. Akaun Deposit Masa
10. HSBC Gold Account (10/06/2013)

Akaun Bergabungan – Akaun-akaun Matawang Asing (FCY)

11. Akaun Semasa FCY
12. Akaun Simpanan FCY
13. Akaun Deposit Masa FCY
14. Hexagold

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik (Januari 2019) untuk Perbankan dan Pengurusan Kekayaan Peribadi

13. Akaun Deposit Masa FCY

[Akaun Deposit Masa FCY: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan.
- b. Pelanggan mesti membuka satu akaun Ringgit untuk menukar:
 - Ringgit kepada matawang asing yang diperlukan untuk dikreditkan ke dalam akaun tersebut; atau
 - matawang asing kepada Ringgit;
 kerana deposit/pengeluaran tunai dalam matawang asing adalah tidak dibenarkan, dan maklumat berkaitan akaun ini akan dimasukkan ke dalam penyata akaun bagi akaun Ringgit tersebut.
- c. Pelanggan mengakui bahawa jumlah-jumlah yang depositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui indorsemen atau selainnya kecuali dengan persetujuan terdahulu oleh Bank.
- d. Jika tarikh matang jatuh pada hari yang bukan merupakan hari perbankan, ia akan diubah secara automatik kepada hari perbankan yang berikutnya.
- e. Deposit-deposit:
 - akan menghasilkan faedah mudah dan kena dibayar pada tarikh matang;
 - deposit mungkin tidak boleh dikeluarkan sebelum tarikh matang tetapi jika telah dikecualikan dan dibenarkan, tiada keuntungan akan dibayar atas deposit tersebut dan Pelanggan tersebut akan memberi pampasan kepada Bank untuk caj penalti dan apa-apa kerugian yang dikira pada kadar pasaran semasa; dan
 - boleh diletakkan untuk tempoh masa 1, 3, 6, 9 atau 12 bulan sahaja.
- f. Pelanggan mengakui bahawa deposit-deposit matawang asing selain daripada matawang USD, GBP, HKD, SGD dan EUR:
 - akan menerima nilainya 2 hari perbankan selepas tarikh deposit; dan
 - arahan-arahan jualan bertulis mestilah diterima oleh Bank 2 hari perbankan sebelum tarikh matang, jika tidak deposit (bersama dengan faedah yang dihasilkan/menolak faedah sementara yang telah dibayar) akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang.

14. Hexagold

[Hexagold: Layak dilindungi oleh PIDM]

- a. "Kemudahan Sweep" bermakna pemindahan apa-apa jumlah dari Akaun Hexagold ke Akaun Semasa seperti yang ditentukan oleh Pelanggan di dalam borang permohonannya bagi tujuan memenuhi pembayaran-pembayaran yang dibuat dari Akaun Semasa.
- b. Faedah hendaklah:
 - dikira pada dasar harian ke atas baki pada hujung setiap hari pada kadar yang akan ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa; dan
 - dikreditkan ke akaun pada setiap bulan Jun dan Disember, dibulatkan ke sen yang paling dekat. Jika akaun ditutup, faedah yang terakru ke atas akaun akan dikira sehingga hari terakhir yang telah disempurnakan sebelum ianya ditutup.
- c. Bank akan mengekalkan satu kemudahan Sweep automatik ke atas Akaun Hexagold Pelanggan tertakluk kepada:
 - Akaun Hexagold mempunyai dana-dana yang telah ditunaikan dan sedia ada; dan
 - jika dipilih oleh Pelanggan.
- d. Di mana Pelanggan telah diberikan satu kemudahan kredit, Pelanggan tidak boleh melebihi had yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa, dengan faedah dikira pada rehatan harian ke atas kadar terpakai kini Bank untuk kemudahan-kemudahan tersebut. Faedah-faedah tersebut akan dibayar oleh Pelanggan dan didebitkan dari Akaun Hexagold atau akaun lain yang mempunyai kredit di bawah nama Pelanggan.

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konklusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments Privileges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AA.	Umum
	Lampiran 1

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

- ▶ Kad Kredit **HSBC** Visa Platinum/Platinum **Mastercard**[®]
- ▶ Kad Kredit HSBC Advance Visa Platinum
- ▶ Kad Kredit HSBC Visa Signature
- ▶ Kad Kredit HSBC Premier World **Mastercard**[®]
- ▶ Kad Kredit HSBC Premier World Travel **Mastercard**[®]

Sila luangkan masa untuk membaca Perjanjian Pemegang Kad ini sebelum menggunakan Kad Kredit anda kerana Perjanjian Pemegang Kad ini akan mengikat ke atas anda selepas anda menggunakan Kad Kredit. Perjanjian Pemegang Kad ini juga boleh didapati di laman web HSBC Malaysia Berhad ("HSBC") di www.hsbc.com.my.

PERJANJIAN PEMEGANG KAD

PENTING! Anda perlu membaca Perjanjian Pemegang Kad yang dicetak di bawah sebelum menggunakan Kad Kredit anda yang diisukan oleh HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Syarikat 127776-V). Dengan menggunakan Kad Kredit tersebut, anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memahami dan menerima Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di bawah dan akan terikat kepadanya.

Kad Kredit tersebut akan digunakan tertakluk kepada Terma-terma & Syarat-syarat di bawah ("Perjanjian ini"):

A. Penerimaan Perjanjian ini

1. Kad Kredit tersebut hanya boleh digunakan oleh pihak yang telah diisu dengan Kad Kredit tersebut ("Pemegang Kad"), kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan apa-apa penggunaan yang tidak diberikuasa ditanggung oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad perlu menandatangani Kad Kredit tersebut serta merta selepas menerimanya. Pemegang Kad dianggap sebagai bersetuju untuk diikat oleh Perjanjian ini semasa memohon untuk Kad Kredit tersebut dan penggunaan Kad Kredit tersebut adalah tertakluk kepada Perjanjian ini. Jika Pemegang Kad tidak ingin diikat oleh Perjanjian ini, Pemegang Kad perlu mematuhi Klausa 16(a) di bawah.

B. Definisi

2. Terma-terma yang digunakan dalam Perjanjian ini akan membawa definisi-definisi berikut:
 - (i) "Fi Tahunan" bermakna fi tahunan yang telah ditentukan sebelum ini yang kena dibayar oleh Pemegang Kad tersebut untuk setiap Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan.
 - (ii) "Pindahan Baki" bermakna kemudahan memindahkan jumlah terutang dari kad kredit lain yang dipegang oleh Pemegang Kad dengan bank, institusi kewangan atau pengisu kad kredit lain kepada Kad Akaun, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Pindahan Baki yang relevan pada masa permohonan Pindahan Baki.
 - (iii) "Bank" bermakna HSBC Malaysia Berhad (No. Syarikat: 127776-V).
 - (iv) "Kad Akaun" bermakna satu akaun yang dikekalkan oleh Bank yang bersamaan dengan Kad Kredit relevan tersebut yang diisukan.
 - (v) "Penyata Kad" bermakna penyata bulanan yang diisukan oleh Bank untuk Kad Akaun tersebut.
 - (vi) "Transaksi Kad" bermakna kesemua Transaksi Runcit, Pindahan Baki, Pendahuluan Tunai, Pelan Bayaran Ansuran, dan pelan-pelan kredit yang lain yang diberikan dan dilaksanakan dengan kegunaan Kad Kredit tersebut.
 - (vii) "Pemegang Kad" bermakna pihak yang diisukan Kad Kredit tersebut, yang mana termasuk Pemegang Kad Tambahan tersebut.
 - (viii) "Pendahuluan Tunai" bermakna kemudahan mengeluarkan tunai dari Akaun Kad-i tertakluk kepada terma-terma Perjanjian ini.
 - (ix) "Kad Kredit" bermakna HSBC Visa Platinum/Platinum Mastercard[®]/HSBC Advance Visa Platinum/HSBC Visa Signature/Kad-kad Kredit HSBC Premier World Mastercard[®]/HSBC Premier Travel Mastercard[®] yang diisukan oleh HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Syarikat: 127776-V), termasuk kedua-dua Kad Kredit utama dan tambahan.
 - (x) "Had Kredit" bermakna had kredit yang ditetapkan oleh Bank kepada satu Kad Kredit.
 - (xi) "Baki Semasa" bermakna jumlah Had Kredit yang digunakan oleh Pemegang Kad setakat Tarikh Penyata.
 - (xii) "Tarikh Kena Bayar" bermakna tarikh, seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad, yang mana bayaran bulanan adalah kena dibayar.

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konklusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments Privileges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AA.	Umum
	Lampiran 1

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

B. Definisi (bersambung)

- (xiii) "Caj Kewangan" bermakna caj kewangan yang dikenakan oleh Bank, di mana Baki Semasa untuk Penyata Kad pada bulan yang sebelumnya tidak dijelaskan dengan sepenuhnya.
- (a) berkenaan dengan Transaksi Runcit, Caj Kewangan adalah dikira pada dasar rehatan harian ke atas jumlah Transaksi Runcit terhutang yang kekal tidak dibayar selepas Tarikh Kena Bayar dikira dari Tarikh Pengeposan sehingga bayaran-bayaran dikreditkan ke dalam Akaun Kad dan selanjutnya ke atas baki jumlah yang dikurangkan dan pada kadar-kadar sewajarnya seperti berikut:
- (i) Peringkat-I: 15% setahun untuk Pemegang Kad yang menyelesaikan dengan segera Bayaran Minima Kena Dibayar seperti yang dinyatakan di Penyata Kad untuk 12 bulan yang berterusan;
- (ii) Peringkat-II: 17% setahun untuk Pemegang Kad yang menyelesaikan dengan segera Bayaran Minima Kena Dibayar seperti yang dinyatakan di Penyata Kad untuk 10 bulan atau lebih dalam satu kitaran 12-bulan;
- (iii) Peringkat-III: 18% setahun untuk Pemegang Kad yang tidak termasuk di bawah Peringkat-I dan Peringkat-II.
- (b) berkenaan dengan Pendahuluan Tunai, Caj Kewangan akan dikenakan pada kadar tetap sebanyak 18% setahun ke atas jumlah Pendahuluan Tunai yang telah diambil, dikira daripada tarikh pengeluaran sehingga pembayaran penuh; dan.
- (c) berkenaan dengan Pindahan Baki dan Pelan Bayaran Ansuran, Caj Kewangan adalah dikira berdasarkan kadar-kadar yang terpakai pada masa permohonan untuk Pindahan Baki atau Pelan Bayaran Ansuran masing-masing.
- (xiv) "Tempoh Bebas Bayaran" bermakna suatu tempoh sekurang-kurangnya 20 hari dari Tarikh Pengeposan Transaksi Runcit ke atas Akaun Kad tersebut, tertakluk bahawa tiada baki dibawa ke hadapan dalam Akaun Kad Pemegang Kad.
- (xv) "Pelan Bayaran Ansuran" bermakna pelan kredit yang ditawarkan oleh Bank yang membenarkan Pemegang Kad kemudahan untuk membayar Transaksi Runcit tertentu pada dasar ansuran, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Pelan Bayaran Ansuran Bank.
- (xvi) "Fi Bayaran Lewat" bermakna suatu fi yang dikira pada kadar 1% ke atas baki jumlah yang terhutang di bawah Transaksi Kad tertakluk kepada jumlah minima sebanyak RM10 dan jumlah maksima RM100.
- (xvii) "Bayaran Bulanan Minima" bermakna bayaran bulanan minima yang dibayar pada Tarikh Kena Bayar, yang mana adalah bersamaan dengan:
- (a) 5% daripada Baki Semasa dan mana-mana jumlah bayaran minima yang belum dibayar yang dinyatakan di dalam Penyata Kad bulan sebelumnya atau RM50, yang mana lebih tinggi; atau
- (b) Jika Baki Semasa tersebut melebihi Had Kredit, 5% dari Baki Semasa dan jumlah yang berlebihan daripada Had Kredit dan bayaran minima yang belum dibayar yang dinyatakan di dalam Penyata Kad bulan sebelumnya.
- (xviii) "Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)" bermakna kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh Pemegang Kad untuk membolehkan Pemegang Kad untuk memperoleh sesetengah perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan Kad Kredit tersebut. PIN untuk Kad Kredit tersebut akan diisukan dan dihantar kepada Pemegang Kad atas risiko Pemegang Kad sendiri. PIN tersebut adalah sulit dan tidak patut dizahirkan kepada mana-mana pihak di bawah apa keadaan jua atau dituliskan, jika gagal berbuat demikian apa-apa penggunaan yang tidak diberikuasa akan ditanggung oleh Pemegang Kad tertakluk kepada fasal 13 di bawah.
- (xix) "Tarikh Pengeposan" bermakna tarikh pada bila Transaksi Kad yang terpakai didebitkan ke dalam Akaun Kad.
- (xx) "Kadar" bermakna kadar terpakai yang digunakan untuk mengira Caj Kewangan.
- (xxi) "Transaksi Runcit" bermakna kesemua pembelian barang-barang atau perkhidmatan yang dicajkan kepada Kad Kredit tersebut, tidak termasuk kesemua Pendahuluan Tunai, Pindahan Baki, Pelan Bayaran Ansuran, pelan-pelan kredit yang lain, fi-fi dan caj-caj.
- (xxii) "Tarikh Penyata" bermaksud tarikh Penyata Kad diisukan.
- Terma maskulin dalam Perjanjian ini termasuk jantina wanita dan neuter dan sebaliknya dan bilangan tunggal meliputi bilangan jamak dan sebaliknya.

C. Penggunaan Kad Kredit

3. Kad Kredit tersebut adalah hakmilik Bank dan mesti dikembalikan kepada Bank oleh Pemegang Kad atas permintaan Bank.

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konklusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments Privileges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AA.	Umum
	Lampiran 1

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

C. Penggunaan Kad Kredit (bersambung)

4. (a) Pemegang Kad kekal bertanggungjawab sepenuhnya kepada Bank untuk penggunaan Kad Kredit tersebut dan mestilah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menjaga Kad Kredit tersebut, jika gagal berbuat demikian apa-apa penggunaan Kad Kredit yang tidak diberikuasa akan ditanggung oleh Pemegang Kad tertakluk kepada Klausula 13 di bawah.
- (b) Pemegang Kad mesti memasukkan PIN apabila diminta untuk berbuat demikian bagi menyempurnakan Urus Niaga Kad, jika tidak urus niaga mungkin ditolak.
- (c) Untuk urus niaga luar negara, kemudahan PIN mungkin dikhususkan atau sebaliknya dan tandatangan mungkin diperlukan di terminal tempat jualan yang dikendalikan.
- (d) Untuk urus niaga tanpa sentuhan, tiada PIN atau tandatangan diperlukan bagi urus niaga runcit di bawah RM250 atau jumlah lain yang ditetapkan oleh Visa/Mastercard dan/atau Bank.
- (e) Untuk transaksi E-kad, yang merupakan transaksi kad kredit-i yang dilaksanakan menerusi E-dompet Pemegang Kad tertakluk kepada terma dan syarat dalam Lampiran I (Terma dan Syarat untuk E-dompet) dalam Perjanjian Pemegang Kad ini.
- (f) Jika Bank mengisukan satu kad tambahan ("Kad Kredit Tambahan tersebut") atas permintaan bersesama Pemegang Kad dan pemegang kad tambahan ("Pemegang Kad Tambahan"), kedua-dua Pemegang Kad utama dan Pemegang Kad Tambahan akan bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan kepada Bank untuk kegunaan Kad Kredit Tambahan tersebut.
- (g) Pemegang Kad Tambahan kini bersetuju untuk diikat oleh Perjanjian ini.
5. (a) Kad Akaun tersebut akan mencerminkan kesemua Transaksi Kad, fi-fi dan caj-caj yang dilaksanakan atau dibelanjakan berkenaan dengan Kad Kredit yang sama.
- (b) (i) Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menggunakan Kad Kredit tersebut untuk atau berkenaan dengan apa-apa aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk dan tanpa terhad kepada perjudian online).
- (ii) Kemungkinan Klausula 5(b)(i), boleh mengakibatkan Bank menolak bayaran-bayaran untuk transaksi-transaksi yang terjejas tersebut dan memberhentikan Kad Kredit tersebut dengan serta merta, tanpa apa-apa liabiliti ke atas Bank.
- (iii) Meskipun Klausula 5(b)(ii), Pemegang Kad adalah terus bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar kepada Bank jumlah yang terutang untuk transaksi yang terjejas tersebut, jika ada, dan tidak akan menggunakan ini sebagai pembelaan untuk enggan membayar jumlah-jumlah yang kena dibayar kepada Bank.
- (c) (i) Pemegang Kad perlu mematuhi dengan ketat Had Kredit tersebut melainkan dengan kebenaran bertulis terdahulu daripada Bank. Jika peruntukan ini dimungkirkan, Pemegang Kad perlu membayar kepada Bank dengan serta merta jumlah yang melebihi Had Kredit tersebut (samada dituntut secara formal atau tidak).
Tiada yang terkandung di sini akan ditafsirkan untuk menjejaskan atau menghadkan liabiliti Pemegang Kad kepada Bank di bawah apa-apa peruntukan Perjanjian ini. Pemegang Kad tersebut akan dan terus bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan melalui kegunaan Kad Kredit tersebut, walaupun baki tertunggak agregat Akaun Kad tersebut melebihi Had Kredit.
- (ii) Jika Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu Akaun Kad yang berasingan, Had Kredit yang terpakai untuk setiap Kad Kredit akan dinyatakan di:
(1) jaket kad (card jacket) atau surat aluan di mana Kad Kredit tersebut yang pada mulanya dihantar kepada Pemegang Kad; atau
(2) penyata bulanan Kad Kredit tersebut, dengan jumlah Had Kredit untuk kesemua dan/atau Kad Kredit masing-masing yang dipegang oleh Pemegang Kad tersebut dan Pemegang(-pemegang) Kad Tambahan tersebut secara individu, jika ada.
- (iii) Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank mempunyai budi bicara untuk menyekat, menghadkan, meningkatkan atau mengurangkan Had Kredit Pemegang Kad atau menahan kredit atau memberhentikan penggunaan Kad Kredit tersebut, walaupun Akaun Kad adalah berbayar dan bukan dalam keadaan tertunggak. Bank boleh meningkatkan atau mengurangkan Had Kredit Pemegang Kad dengan memberikan notis tiga (3) hari perbankan, atau menyekat atau menghadkan Had Kredit Pemegang Kad tersebut atau menahan kredit atau memberhentikan penggunaan Kad Kredit tersebut dengan memberikan notis sewajarnya kepada Pemegang Kad, melainkan untuk memenuhi keperluan badan/agensi kawal selia atau perintah mahkamah. Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan penggunaan Kad Kredit jika Pemegang Kad tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan bagi Kad Kredit.
- (d) Pemegang Kad selanjutnya bersetuju bahawa di mana Pemegang Kad menikmati kemudahan-kemudahan perbankan lain dengan Bank dan/atau HSBC Amanah Malaysia Berhad ("HSBC Amanah") dan jika kemudahan-kemudahan perbankan lain tersebut dan/atau kemudahan kad kredit ini tidak dikendalikan dengan cara yang memuaskan Bank dan/atau HSBC Amanah, Bank dan HSBC Amanah

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konklusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privieges/Mastercard Moments Privieges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AA.	Umum
	Lampiran 1

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

C. Penggunaan Kad Kredit (bersambung)

- (d) berhak untuk mengurangkan had kredit Pemegang Kad tersebut selepas memberi notis tiga (3) hari perbankan, atau membataskan, menghadkan atau membatalkan penggunaan Kad Kredit tersebut, selepas memberi notis munasabah kepada Pemegang Kad tersebut kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh badan/agensi berperaturan.
5. (e) Jika Pemegang Kad menggunakan Kad Kredit tersebut di dalam matawang yang berlainan dengan Ringgit Malaysia, jumlah tersebut hendaklah ditukar pada kadar pertukaran seperti yang ditentukan oleh Visa International atau Mastercard International, mengikut kes, pada tarikh penukaran dan ditambah dengan kos pertukaran matawang asing 1.25% dan apa-apa fi transaksi yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International.
6. Pemegang Kad bertanggungjawab terhadap semua kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank berkaitan dengan Kad Kredit dan untuk semua caj yang berkaitan walaupun jika Perjanjian ini ditamatkan atas apa jua sebab. Pemegang Kad bertanggungjawab terhadap semua Urus Niaga Kad walaupun jika terdapat kegagalan untuk menandatangani draf jualan/memasukkan PIN (di mana berkenaan) atau apabila kegagalan/ketinggalan tersebut disebabkan oleh bentuk urus niaga atau kesilapan di pihak Pemegang Kad dan/atau peniaga dan/atau bank ahli VISA/Mastercard.
7. (a) Penyata Kad akan biasanya dihantar kepada atau disediakan untuk dimuat turun oleh Pemegang Kad setiap bulan pada satu tarikh yang akan ditentukan oleh Bank.
- (b) Baki Semasa yang dinyatakan pada Penyata Kad adalah terhutang dan kena dibayar oleh Pemegang Kad pada Tarikh Kena Bayar.
- (c) Pemegang Kad boleh memilih untuk membayar kurang daripada Baki Semasa dengan syarat Pemegang Kad membuat Bayaran Minima Kena Bayar pada Tarikh Kena Bayar.
- (d) Jika Pemegang Kad membayar kepada Bank kurang daripada Baki Semasa pada Tarikh Kena Bayar, Caj Kewangan akan dikenakan ke atas Akaun Kad.
- (e) Untuk transaksi E-kad, yang merupakan transaksi kad kredit yang dilaksanakan menerusi E-dompet Pemegang Kad tertakluk kepada terma dan syarat dalam Lampiran I (Terma dan Syarat untuk E-dompet) dalam Perjanjian Pemegang Kad ini.
- (f) Di mana Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu Kad Kredit dan setiap Kad Kredit mempunyai Had Kredit masing-masing, Bayaran Minima Kena Bayar sebanyak RM50 akan terpakai ke atas setiap Kad-kad Kredit walaupun jumlah 5% daripada Baki-baki Semasa dan bayaran belum dibayar minima yang dinyatakan di dalam Penyata Kad untuk bulan sebelumnya adalah kurang daripada RM50.
- (g) Jika Pemegang Kad membayar kepada Bank kurang daripada Baki Semasa pada Tarikh Kena Bayar, Caj Kewangan akan dikenakan pada baki tertunggak Akaun Kad yang belum dibayar selepas Tarikh Kena Bayar dengan serta merta selepas Tarikh Penyata di mana Transaksi Runcit tersebut diposkan ke Akaun Kad tersebut, dikira dari Tarikh Pengeposan sehingga apa-apa bayaran dikreditkan kepada Akaun Kad tersebut dan selepas itu pada baki yang dikurangkan.
- (h) Satu Fi Bayaran Lewat akan dikenakan oleh Bank jika Pemegang Kad gagal untuk membayar Bayaran Minima Kena Bayar pada Tarikh Kena Bayar. Fi Bayaran Lewat akan dikenakan pada hari selepas luputnya 3 hari dari Tarikh Kena Bayar dan akan dinyatakan pada Penyata Kad bulan yang seterusnya.

D. Pengesahan Penyata Bulanan

8. Pemegang Kad bersetuju untuk mengesahkan kesemua kemasukan di dalam setiap Penyata Kad bagi Akaun Kad tersebut dan memaklumkan kepada Bank secara bertulis dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Penyata Kad tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, kemasukan tidak tepat, transaksi yang dipalsukan dan/atau tiruan, kemasukan atau debit yang tidak diberikuasa (secara kolektif "Ketidakaturan"), jika ada. Di mana tiada pemakluman, kemasukan dalam Penyata Kad akan dianggap betul, pasti dan terikat ke atas Pemegang Kad untuk jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank. Pemegang Kad adalah dianggap telah mengenyepikan kesemua hak untuk mengutarakan apa-apa bantahan atau mengambil apa-apa remedi terhadap Bank bagi Kad Akaun tersebut.

E. Pendahuluan Tunai

9. (a) Pemegang Kad boleh mendapat pendahuluan tunai atas budibicara Bank, di mana pendahuluan tunai tersebut tidak akan menyebabkan Had Kredit Pemegang Kad yang sedia ada dilebihi dengan:
- (i) mengemukakan Kad Kredit di mana-mana pejabat Bank atau di mana-mana institusi ahli VISA International dan/atau Mastercard International bersama dengan bukti identiti Pemegang Kad dan menandatangani rekod transaksi yang perlu; atau
- (ii) menggunakan Kad Kredit tersebut di mana-mana Mesin Juruwang Outomatik ("ATM") Bank atau mana-mana ahli di dalam Rangkaian ATM Kumpulan HSBC atau mana-mana bank atau institusi di mana Bank mempunyai pengaturan(-pengaturan) untuk menggunakan ATM mereka.

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konklusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments Privileges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AA.	Umum
	Lampiran 1

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

E. Pendahuluan Tunai (bersambung)

Dalam kedua-dua kes, jumlah maksima yang boleh dikeluarkan dari Akaun Kad tersebut melalui Pendahuluan Tunai akan bergantung kepada had semasa yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa. Di mana Pendahuluan Tunai tersebut adalah dibuat melalui ATM, setiap pendahuluan tunai akan tertakluk kepada had pengeluaran harian yang terpakai atau had pengeluaran bagi setiap transaksi pendahuluan tunai ATM tersebut dan juga Klausula 9(d) di bawah.

Bank mempunyai hak untuk mengenakan satu had dalam terma peratusan atas kuantum Had Kredit dan baki sedia ada Pemegang Kad yang boleh digunakan untuk pendahuluan tunai. Bank selanjutnya mempunyai hak untuk mengubah had peratusan tersebut dari masa ke semasa sepertimana yang diperuntukkan oleh Bank dalam budibicara mutlaknyanya sebagai sesuai.

- (b) Pendahuluan tunai akan tertakluk kepada fi pendahuluan tunai sebanyak **5%** dari jumlah yang didahului atau **RM15**, yang mana lebih tinggi. Selain daripada fi pendahuluan tunai tersebut, pendahuluan tunai daripada ATM Kumpulan HSBC dan Sistem Visa/Plus dan Rangkaian ATM Mastercard/Cirrus adalah tertakluk kepada caj pengendalian yang adalah ditentukan oleh Bank pada budibicara mutlaknyanya dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam apa cara sekalipun yang difikirkan sesuai oleh Bank. Fi pendahuluan tunai tersebut dan apa-apa caj pengendalian yang terpakai akan didebitkan kepada Akaun Kad setakat tarikh pendahuluan tunai tersebut.

Bank boleh melalui notis kepada Pemegang Kad mengubah fi pendahuluan tunai dan/atau caj pengendalian dari masa ke semasa.

Bank juga mengekalkan haknya, pa da budibicara mutlaknyanya, untuk menganggap semua transaksi Kad Kredit berkaitan dengan pemindahan melalui kabel dan kiriman wang sebagai pendahuluan tunai dan mengenakan fi pendahuluan tunai, dan/atau apa-apa caj pengendalian yang terpakai seperti yang dinyatakan di atas ke atas kesemua transaksi tersebut.

- (c) Caj Kewangan akan dikenakan pada satu kadar tetap sebanyak 18% setahun atas jumlah Pendahuluan Tunai yang dikeluarkan, dikira dari tarikh pengeluaran sehingga tarikh bayaran penuh.

- (d) Seperti yang diperuntukkan di Klausula 9(a)(ii), Kad Kredit boleh digunakan di ATM Bank atau terminal jualan (point-of-sale terminal), di mana Pemegang Kad bersetuju bahawa transaksi-transaksi yang dibuat melalui ATM atau terminal jualan adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tambahan berikut:

(i) tertakluk kepada Klausula 9, Pemegang Kad boleh memindahkan pendahuluan tersebut dari Akaun Kad Pemegang Kad kepada mana-mana akaun lain yang dikendalikan dengan mana-mana cawangan Bank atau HSBC Amanah di Malaysia, dengan syarat pendahuluan tersebut tidak akan menyebabkan Had Kredit Pemegang Kad yang sedia ada melebihi dan adalah di dalam had peratusan yang dikenakan oleh Bank pada kuantum Had Kredit. Pendahuluan tersebut akan ditadbir oleh terma-terma Perjanjian ini.

(ii) penyelesaian jumlah tertunggak di bawah Akaun Kad boleh dibuat dengan satu deposit secara tunai atau melalui cek (tertakluk kepada Klausula 9(d)(vi) di bawah) atau melalui pemindahan dana sebanyak RM20,000 dari akaun Pemegang Kad yang dikendalikan oleh Bank atau HSBC Amanah yang dikodkan pada Kad Kredit tersebut.

(iii) Pemegang Kad tidak akan menggunakan atau cuba untuk menggunakan Kad Kredit tersebut untuk satu pengeluaran dana atau pemindahan dana melainkan terdapat baki sedia ada yang mencukupi dalam Had Kredit Akaun Kad tersebut.

(iv) Bank akan mendebitkan Akaun Kad dengan jumlah apa-apa pengeluaran dana atau pemindahan dana yang dilakukan dengan menggunakan Kad Kredit tersebut samada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad. Pemegang Kad dianggap telah memberikan kebenaran kepada Bank untuk melakukan tersebut.

(v) Kesemua transaksi antara negara melalui ATM adalah tertakluk kepada undang-undang negara di mana transaksi tersebut dilakukan. Bagi setiap transaksi tersebut, kadar penukaran (jika ada) adalah kadar penukaran semasa seperti yang ditentukan oleh Bank pada budibicara mutlaknyanya setakat tarikh transaksi yang diposkan dalam Akaun Kad tersebut.

(vi) Pemegang Kad bersetuju bahawa selain daripada Perjanjian ini, Terma-terma dan Syarat-syarat Generik Bank yang mengawasi Akaun Deposit tersebut juga akan terpakai kepada penggunaan kemudahan ATM oleh Pemegang Kad semasa melakukan transaksi perbankan (atas mana-mana akaun selain daripada Akaun Kad) melalui cara elektronik, samada di ATM-ATM, terminal jualan atau selain daripada itu.

(vii)Caj pengendalian tambahan akan dikenakan atas pengeluaran tunai yang dilakukan di luar negara melalui penggunaan Kad Kredit tersebut (atas mana-mana akaun Pemegang Kad selain daripada Akaun Kad tersebut) pada:

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konklusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments Privileges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluian
AA.	Umum
	Lampiran 1

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

E. Pendahuluan Tunai (bersambung)

- **RM5** setiap transaksi jika dibuat melalui Rangkaian ATM Kumpulan HSBC; dan
- **RM10** setiap transaksi jika dilakukan melalui ATM Rangkaianrangkaian PLUS dan CIRRUS.

Caj pengendalian ini akan didebitkan kepada akaun transaksi Pemegang Kad pada tarikh transaksi tersebut diposkan dalam akaun yang sama. Bank mempunyai hak untuk mengubah caj pengendalian dari masa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu kepada Pemegang Kad.

F. Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad

10. (a) Mana-mana transaksi untuk deposit tunai, cek dan instrumen boleh runding yang lain, hanya akan dianggap dilakukan:

- jika melalui deposit tunai, selepas pengesahan oleh dua orang pekerja Bank tentang deposit tersebut dan tentang jumlah deposit tersebut dan kemasukan yang direkodkan dalam rekod Bank; dan
- jika melalui deposit cek atau instrumen boleh runding yang lain, selepas pengesahan oleh dua orang pekerja Bank tentang deposit tersebut dan tentang jumlah deposit tersebut dan gelaran Pemegang Kad kepada jumlah tersebut dan instrumen boleh runding yang lain untuk diambil.

Resit yang diisukan oleh Mesin Deposit Tunai Ekspres dan Mesin Deposit Cek dan jumlah yang dinyatakan pada skrin ATM tersebut, pada masa transaksi deposit tersebut boleh mengesahkan deposit yang dilakukan tetapi bukan jumlah yang didepositkan, oleh itu tidak akan dianggap sebagai pasti.

(b) Bayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad kepada Bank bagi Akaun Kad akan digunakan untuk jumlah tertunggak bagi Transaksi Kad, aturan penyelesaian bermula dari jumlah-jumlah yang tertakluk kepada Kadar yang paling tinggi ke jumlah-jumlah yang tertakluk kepada Kadar yang paling rendah.

G. Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan

11. Pemegang Kad bersetuju untuk membayar Fi Tahunan dan cukai yang dikenakan untuk Kad Kredit dan untuk kesemua Kad Kredit Tambahan yang diisukan. Fi Tahunan ini hendaklah ditentukan dan/atau diubah oleh Bank dari masa ke semasa. Fi Tahunan akan dikenakan ke atas Pemegang Kad seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad. Kesemua fi, caj dan cukai yang terpakai akan didebitkan kepada Akaun Kad bila ia menjadi kena dibayar dan tidak boleh dibayar balik.

H. Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang

12. (a) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa tindakan dan peninggalan mana-mana institusi pedagang termasuk apa-apa keengganan untuk melunaskan Kad Kredit tersebut, atau apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang-barang atau perkhidmatan yang dibekal kepada Pemegang Kad oleh pedagang tersebut.
- (b) Pemegang Kad hendaklah menyelesaikan semua aduan, tuntutan dan pertikaian terhadap pedagang-pedagang secara terus dan Pemegang Kad bersetuju untuk tidak melibatkan Bank dalam tuntutan-tuntutan, pertikaian-pertikaian atau prosiding-prosiding undang-undang tersebut.
- (c) Apa-apa tuntutan dan/atau pertikaian yang Pemegang Kad mungkin ada terhadap institusi pedagang tersebut tidak akan melepaskan Pemegang Kad dari kewajipan membayar jumlah yang kena dibayar kepada Bank.

I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa

13. (a) Dalam keadaan di mana berlaku urus niaga tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan PIN bagi Akaun Kad Pemegang Kad, Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab terhadap Urus Niaga Kad yang dipertikaikan melainkan Pemegang Kad terbukti telah:
- bertindak secara menipu;
 - berlegha untuk memberitahu Bank secepat yang mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit;
 - mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela; atau
 - mencatatkan PIN pada Kad Kredit, atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran Kad Kredit, yang mungkin hilang atau dicuri bersama Kad Kredit.

Kandungan

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konkusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments Privileges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AA.	Umum
	Lampiran 1

I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa (bersambung)

- (b) Dalam keadaan di mana berlaku urus niaga tanpa kebenaran menggunakan kad yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan kad tanpa sentuhan bagi Akaun Kad Pemegang Kad, Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab terhadap Urus Niaga Kad yang dipertikaikan melainkan Pemegang Kad terbukti telah:
- bertindak secara menipu;
 - berleghang untuk memberitahu Bank secepat yang mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit;
 - meninggalkan Kad Kredit-i atau barang yang mengandungi Kad Kredit tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat atau dicapai oleh orang lain, kecuali di tempat kediaman Pemegang Kad. Bagaimanapun, Pemegang Kad dikehendaki menjaga Kad Kredit dengan sewajarnya walaupun di tempat kediaman Pemegang Kad; atau
 - membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit secara sukarela.
- (c) Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang urus niaga tanpa kebenaran yang dicajkan kepada Kad Kredit setelah Pemegang Kad memaklumkan Bank, sama ada secara lisan atau bertulis, tentang Kad Kredit-i yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran.
- (d) Pemegang kad tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung disebabkan mana-mana yang berikut:
- Bank gagal menghantar peringatan kepada Pemegang Kad tentang tanggungjawab Pemegang Kad;
 - Bank gagal menyediakan talian khas pelanggan yang beroperasi pada setiap masa untuk membolehkan Pemegang Kad memaklumkan Bank tentang Kad Kredit yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran;
 - kerosakan teknikal atau masalah lain dalam sistem atau peralatan Bank;
 - kelemahan atau kepincangan dalam ciri kawalan dan keselamatan yang diguna pakai oleh Bank;
 - Urus Niaga Kad yang dipertikaikan melibatkan penggunaan Kad Kredit yang palsu;
 - bagi Urus Niaga Kad yang memerlukan pengesahan PIN, Urus Niaga Kad yang dipertikaikan berlaku sebelum Pemegang Kad menerima PIN atau menukar PIN asal buat kali pertama;
 - tindakan menipu atau cuai kakitangan atau ejen Bank atau pedagang; atau
 - urus niaga, tidak termasuk urus niaga berulang, yang berlaku setelah Pemegang Kad memaklumkan Bank tentang penggunaan Kad Kredit yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran.
- (e) Untuk memudahkan Bank menyasiat sebarang laporan Kad Kredit yang hilang, dicuri atau digunakan secara tanpa kebenaran, Bank memerlukan bantuan Pemegang Kad untuk melakukan yang berikut:
- walaupun Pemegang Kad mungkin telah membuat laporan secara lisan, Bank memerlukan Pemegang Kad untuk membuat laporan bertulis, yang termasuk menjawab soal selidik; dan
 - memberikan Bank satu salinan laporan polis yang difailkan berhubung dengan kehilangan atau kecurian Kad Kredit-i.
- (f) Pemegang Kad tidak perlu menjelaskan Urus Niaga Kad yang dipertikaikan sementara menunggu penyiasatan oleh Bank tanpa menjejaskan hak Bank untuk membuat tuntutan daripada Pemegang Kad bagi jumlah yang sewajarnya berasaskan keputusan penyiasatan.
- (g) Walau apa pun yang dinyatakan di atas, had liabiliti tidak diguna pakai dalam keadaan di mana urus niaga yang dipertikaikan berlaku disebabkan Pemegang Kad telah mendedahkan PIN bagi Kad Kredit kepada orang lain. Pemegang Kad hendaklah bertindak dengan niat baik, mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya dan bersungguh-sungguh mengekalkan kerahsiaan PIN. Sebagai contoh, Pemegang Kad seharusnya tidak:
- menulis mahupun mencatatkan PIN dengan cara yang boleh difahami oleh orang lain sama ada pada Kad Kredit atau pada sesuatu yang disimpan berhampiran Kad Kredit;
 - mendedahkan PIN kepada orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan Bank dan mana-mana pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan penggabungan akaun;
 - Menyimpan sebarang makluman dari Bank berkenaan PIN dengan segera selepas menerimanya;
 - Menggunakan PIN yang mudah diteka seperti hari jadi, nombor telefon, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor pasport, lesen memandu atau nombor hubungan, dan lain-lain;
 - Menggunakan PIN yang sama tanpa mengubahnya dari masa ke masa;
 - Menggunakan PIN dari laman Internet lain.

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
H.	Liabiliti di antara Pemegang Kad dan Pedagang
I.	Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa
J.	Penolakan
K.	Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan
L.	Kesan-kesan Penamatan
M.	Obligasi Pemegang Kad
N.	Perkhidmatan Tele-perbankan Automatik dan Perbankan Internet Peribadi
O.	Perkhidmatan dan Notifikasi
P.	Bukti Konklusif
Q.	Modifikasi dan Perubahan
R.	Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pemegang Kadi
S.	Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing
T.	Indemniti
U.	Disklaimer
V.	Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
W.	Hak istimewa HSBC Visa/ Premier World dan Visa Exclusive Privileges/Mastercard Moments Privileges
X.	Pemberian Kuasa atau Arahan melalui Pos, Telefon, dan Medium Elektronik (Komunikasi online)
Y.	Pematuhan Cukai
Z.	Konflik dan Peraturan Kedahuluan
AA.	Umum
	Lampiran 1

Perjanjian Pemegang Kad (Januari 2019)

I. Kehilangan atau Kecurian Kad Kredit dan Penzahiran PIN kepada Pihak yang Tidak Diberikuasa (bersambung)

14. Bank tidak berkewajipan untuk mengeluarkan Kad Kredit gantian kepada Pemegang Kad selepas kehilangan, kecurian atau penggunaannya yang tanpa kebenaran. Sebarang Kad Kredit gantian adalah tertakluk kepada yuran gantian yang dikenakan pada masa penggantian tersebut.

J. Penolakan

15. Pemegang Kad dan Pemegang(-Pemegang) Kad Tambahan masing-masing memberikuasa kepada Bank, samada sebelum atau selepas pemberhentian penggunaan Kad Kredit tersebut, untuk menahan wang dalam kredit mana-mana akaun(-akaun) Pemegang Kad yang wujud, dalam apa-apa jua sifat, jenis dan deskripsi yang dipegang dengan Bank atau HSBC Amanah Malaysia Berhad (dan samada setelah matang atau selainnya dan samada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa matawang) termasuk apa-apa akaun bersesama dengan Pemegang Kad Tambahan, dan pada akhir notis bertulis tujuh (7) hari, untuk menolak atau menggunakan atau memindahkan atau menggunakan apa-apa jumlah dalam kredit kepada mana-mana satu atau lebih daripada akaun-akaun tersebut (walapun ia termasuk menggunakan/mengeluarkan apa-apa deposit/pelaburan sebelum tarikh matang dan/atau menukarnya ke Ringgit Malaysia kepada kadar tukaran matawang Bank pada hari pertukaran), dalam atau untuk penyelesaian liabiliti Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan kepada Bank di bawah Perjanjian ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada jumlah yang terhutang, kos-kos guaman, caj-caj dan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibelanjakan, jika ada, berkenaan dengan penguatkuasaan Perjanjian ini atau mendapatkan semula jumlah yang terhutang).

K. Pemberhentian Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan

16. (a) Pemegang Kad boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada Bank. Kad Kredit dan Kad Kredit Tambahan, jika ada, hendaklah dipotong oleh Pemegang Kad dan Bank akan dilepaskan dari kesemua liabiliti atau kerugian yang disebabkan oleh penggunaan Kad Kredit atau Kad Kredit Tambahan oleh pihak ketiga. Tiada fi tahunan atau sebahagiannya akan dibayar balik selepas penamatan Kad Kredit tersebut dan/atau Kad Kredit Tambahan tersebut.
- Jika hanya salah satu daripada Kad Kredit Tambahan akan dibatalkan, Pemegang Kad perlu memaklumkan Bank secara bertulis. Kad Kredit Tambahan tersebut hendaklah dipotong oleh Pemegang Kad dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang disebabkan oleh Kad Kredit Tambahan tersebut digunakan oleh Pemegang Kad Tambahan tersebut dan/atau pihak ketiga.
- Pemberhentian mana-mana Kad Kredit Tambahan tersebut tidak akan memberhentikan Kad Kredit tersebut, melainkan selepas Bank dimaklumkan secara bertulis oleh Pemegang Kad.
- (b) Bank boleh atas budi bicara mutlaknya menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dan dalam apa jua keadaan yang dianggap wajar, termasuk tetapi tidak terhad kepada kematian, kebankrapan, insolvensi Pemegang Kad, kemungkiran berturut-turut Pemegang Kad untuk membayar balik Akaun Kad secara bulanan, Pemegang Kad tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan yang berkenaan bagi Kad Kredit atau ketidakpatuhan kepada terma dan syarat di dalam ini, dan tanpa sebarang liabiliti kepada Pemegang Kad.

L. Kesan-kesan Penamatan

17. (a) Tertakluk kepada Klausa 15, sebaik sahaja penamatan Perjanjian ini atas apa jua sebab, seluruh baki yang terhutang pada Akaun Kad berserta dengan apa-apa Transaksi Kad yang dikenakan atau kononnya dikenakan caj oleh Pemegang Kad kepada satu institusi perdagangan untuk pembekalan barang atau perkhidmatan tetapi belum lagi diposkan kepada Akaun Kad (dirujuk secara kolektif sebagai "jumlah terhutang") akan menjadi genap masa dan kena dibayar sepenuhnya dengan serta merta kepada Bank. Semua jumlah terhutang dan kena dibayar akan dikenakan satu fi yang akan ditetapkan pada budibicara mutlak Bank.
- (b) Tanpa prejudis kepada Klausa 17(a) di atas, Pemegang Kad bersetuju bahawa beliau kekal bertanggungjawab kepada Bank untuk apa-apa transaksi berulang yang dibilkan ke dalam Kad Kredit beliau yang disebabkan dari arahan-arahan tetap/aturan-aturan bayaran dengan institusi(-institusi) pedagang yang melibatkan Kad Kredit tersebut walaupun Pemegang Kad telah memberhentikan Kad tersebut. Adalah tanggungjawab dan kewajipan tunggal Pemegang Kad untuk membatalkan atau memindahkan arahan-arahan tetap/aturan-aturan bayaran kepada medium bayaran lain sebelum memberhentikan Kad Kredit beliau. Bank boleh membatalkan transaksi dari Akaun Kad, walaupun tidak mempunyai kewajipan untuk melakukan tersebut, jika Pemegang Kad memberikan bukti bayaran yang dibuat oleh beliau kepada institusi(-institusi) pedagang yang menerima bayaran di bawah arahan-arahan tetap/aturan-aturan bayaran.
- (c) Pemegang Kad atau estet beliau akan bertanggungjawab ke atas semua jumlah yang terhutang dan akan menanggung rugi Bank untuk Semua kos (termasuk fi guaman pada dasar peguamcara dan anakguam) dan perbelanjaan yang dibelanjakan dalam mendapatkan semula jumlah yang terhutang.

Kandungan

A.	Penerimaan Perjanjian ini
B.	Definisi
C.	Penggunaan Kad Kredit
D.	Pengesahan Penyata Bulanan
E.	Pendahuluan Tunai
F.	Bayaran Yang Dibuat Kepada Akaun Kad
G.	Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan
